


# Laporan Tahunan Polis Diraja Malaysia



# 2008



*Tegas, Adil dan Berhemah*



## **KANDUNGAN**

<b>Kandungan</b>	<b>1</b>
<b>Prakata Ketua Polis Negara</b>	<b>2</b>
<b>Pengurusan Atasan Polis Diraja Malaysia</b>	<b>3-4</b>
<b>Integriti Amalan Kita</b>	<b>5</b>
<b>Laporan Tahunan Polis Diraja Malaysia 2008</b>	<b>6</b>
<b>Keselamatan Negara</b>	<b>9</b>
<b>Laporan Jabatan</b>	
• <b>Jabatan Pengurusan</b>	<b>11</b>
• <b>Jabatan Siasatan Jenayah</b>	<b>36</b>
• <b>Jabatan Siasatan Jenayah Komersil</b>	<b>41</b>
• <b>Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik</b>	<b>51</b>
• <b>Jabatan Keselamatan Dalam Negeri/ Ketenteraman Awam ( KDN/KA )</b>	<b>59</b>
• <b>Jabatan Logistik</b>	<b>80</b>
<b>Penglibatan PDRM Di Peringkat Antarabangsa</b>	<b>85</b>
<b>Aktiviti Agama, Sosial, Kebajikan &amp; Sukan</b>	<b>87</b>





## *Prakata Ketua Polis Negara*

Setelah 201 tahun mencurah khidmat bakti kepada masyarakat, termasuk 50 tahun sebagai negara merdeka, PDRM telah melalui pelbagai bentuk perubahan. Pasukan Polis berubah secara signifikan dari tahun ke tahun, sama ada dari segi operasi, modal insan dan penggunaan teknologi, selari dengan pembangunan negara yang pesat dan dinamik.

Malaysia telah mencapai kejayaan cemerlang sebagai sebuah negara membangun dan sedang berusaha menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri. Untuk melangkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang, negara kita harus bijak mengurus kejayaan, serta dengan tegas dan berkesan mengatasi pelbagai kelemahan dan kekurangannya. Cabaran besar yang perlu ditanganinya dalam usaha tersebut ialah pemantapan etika dan integriti.

Oleh itu, bagi memastikan pasukan polis terus relevan dan efektif bagi menyokong perkembangan tersebut, setiap warga PDRM haruslah komited bagi terus menyahut cabaran ini secara profesional, produktif, dan lebih efektif.

Pembudayaan etika dan integriti dalam organisasi, menuntut kepimpinan bertindak sebagai **role model** manakala anggota lain menzahirkan kod itu dalam tindakan mereka. Organisasi juga perlu mempunyai matlamat yang jelas dan realistik yang dikongsi bersama oleh anggota organisasi. Ia perlu mempunyai sistem dan prosedur yang baik bagi melicinkan perlaksanaan tugasnya secara cekap, teratur, dan tepat, disamping mempunyai sistem kawalan kualiti, pemantauan, ganjaran dan penghukuman.

Selari dengan pertukaran lencana baru iaitu "**Integriti Amalan Kita**", maka tema PDRM juga perlu berubah mengikut peredaran waktu dan ekspektasi masyarakat. Tema baru tersebut ialah **Tegas, Adil dan Berhemah**. Tema baru ini diharapkan akan dapat membentuk budaya kerja terbilang pasca dua abad pasukan Polis Diraja Malaysia. Semoga seluruh warga PDRM agar dapat menterjemah dan menyelami maksud tema dan moto ini bagi memperbaiki dan meningkatkan motivasi diri masing-masing sebagai langkah awal untuk meningkatkan prestasi pasukan polis secara menyeluruh.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, orang ramai dan pihak media atas sokongan, sumbangan dan kerjasama mereka yang amat bermakna kepada PDRM untuk membolehkan kami melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kami. Semoga semangat dan komitmen dari semua pihak berjaya meningkatkan lagi pencapaian PDRM di masa akan datang sejajar dengan penghayatan dan pembudayaan integriti.

**TAN SRI MUSA BIN TAN SRI HAJI HASSAN  
KETUA POLIS NEGARA**

**PENGURUSAN ATASAN PDRM 2008**  
**Top Management of RMP**

KETUA POLIS NEGARA



YDH. TAN SRI MUSA BIN TAN SRI HJ. HASSAN  
KETUA POLIS NEGARA  
INSPECTOR GENERAL OF POLICE

TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA



YDH. TAN SRI HJ. ISMAIL BIN HJ. OMAR  
TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA  
DEPUTY INSPECTOR GENERAL OF POLICE

## PENGARAH-PENGARAH PDRM



YDH. CP DATO' ABD. RAZAK BIN BOKHARI  
PENGARAH JABATAN PENGURUSAN  
DIRECTOR OF MANAGEMENT



YDH. CP DATUK SERI MOHD BAKRI BIN ZININ  
PENGARAH JABATAN SIASATAN JENAYAH  
DIRECTOR OF CRIMINAL INVESTIGATION



YDH. CP DATO HUSSIN BIN ISMAIL  
PENGARAH JABATAN KDN/KA  
DIRECTOR  
OF INTERNAL SECURITY AND PUBLIC ORDER



YDH. CP DATO' KOH HONG SUN  
PENGARAH JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL  
DIRECTOR  
OF CRIMINAL INVESTIGATION COMMERCIAL



YDH. CP DATO' ZUL HASNAN NAJIB  
BIN BAHRUDIN  
PENGARAH JABATAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK  
DIRECTOR OF CRIMINAL INVESTIGATION NARCOTICS



YDH. CP DATO' MASHURI BIN ZAINAL  
PENGARAH JABATAN LOGistik  
DIRECTOR OF LOGISTIC



YDH. CP DATO' HJ. MOHAMAD FUZI BIN HARUN  
PENGARAH PASUKAN PETUGAS KHAS  
(OPERASI/ COUNTER TERRORISM)  
DIRECTOR OF SPECIAL TASK FORCE



YDH. CP DATO' AKHIL BIN BULAT  
PENGARAH CAWANGAN KHAS  
DIRECTOR OF SPECIAL BRANCH

## LAPORAN TAHUNAN POLIS DIRAJA MALAYSIA 2008

### INTEGRITI AMALAN KITA

Polis Diraja Malaysia telah mencapai kejayaan cemerlang sebagai sebuah pasukan penguatkuasaan undang-undang terulung negara sedang berusaha menjadi sebuah pasukan yang moden dan maju menurut acuan sendiri. Untuk melangkah kemasa hadapan yang lebih cemerlang, PDRM harus bijak mengurus kejayaan serta dengan tegas dan berkesan mengatasi pelbagai kelemahan dan kekurangannya. Cabaran besar yang perlu ditanganinya dalam usaha tersebut ialah pemantapan etika dan integriti.

Objektif Pelan Strategik 5 Tahun PDRM (PS5T), merangkumi inisiatif-inisiatif komprehensif yang difokuskan terhadap mengurangkan kadar jenayah, mengurangkan kadar penyalahgunaan dan pengedaran dadah, meningkatkan efisiensi sistem penghantaran, memantapkan integriti dan memperkasakan keselamatan awam di negara ini. Selaras dengan itu semasa mesyuarat "weekly update" bertarikh 5hb. Februari 2008, YDH Ketua Polis Negara telah memutuskan agar PDRM menggunakan lencana "Integriti Amalan Kita" bagi menggantikan lencana "Saya Anti Rasuah" berkuatkuasa pada 25hb. Mac 2008 bersempena Hari Peringatan Polis Diraja Malaysia ke 201 Tahun.

Asas penggunaan motto "Integriti Amalan Kita" berlandaskan 4 langkah penjenamaan semula PDRM oleh YDH Ketua Polis Negara menjadikan PDRM sebagai pasukan yang berintegriti tinggi, komited, bertanggungjawab serta mempunyai keupayaan meningkatkan kerjasama dengan masyarakat. Pemakaiannya kelak akan menimbulkan rasa bangga, selesa dan dihargai pemakai. Malah pemakaian juga diharap mendapat perhatian dan mengeratkan hubungan dengan semua pihak.

#### Pengertian Lencana Integriti

1. Tulisan "*Integriti Amalan Kita*" di dalam pita
  - Motto yang menjadi tunjang kepada perjuangan PDRM.
2. Bentuk bintang 5
  - Membawa maksud 5 prinsip dalam PDRM, Rukunegara dan Rukun Islam.
3. Bentuk Bunga Raya
  - Membawa maksud kemesraan dan semangat patriotism.
4. Latarbelakang Biru
  - Membawa maksud keharmonian dan warna bagi bendera Sang Saka Biru



## **Kepolisian Masyarakat**

Pembangunan pesat negara selepas kemerdekaan telah membawa perubahan kepada negara ini dari segi fizikal, ekonomi dan juga nilai sosio-budaya masyarakat. Oleh itu, cabaran yang dihadapi oleh pihak polis juga telah berubah dari era lepas mencapai kemerdekaan yang mana negara menghadapi ancaman keganasan komunis, diikuti oleh ancaman konfrontasi dengan Indonesia sehingga ke hari ini iaitu era di mana negara kita berada di dalam suasana aman dan rakyatnya menikmati pembangunan ekonomi yang kian pesat. Dalam menghadapi cabaran pada masa kini (*peacetime policing*), pihak polis tidak boleh lagi semata-mata menggunakan strategi tradisional iaitu penguatkuasaan undang-undang (*traditional law enforcement*) tetapi perlukan penglibatan dan penyertaan masyarakat secara langsung (*community engagement and partnership*) untuk mencegah jenayah dan mengawal keselamatan serta ketenteraman awam.

Selaras dengan kehendak dan tuntutan semasa, PDRM telah melaksanakan kepolisan masyarakat selaras dengan visinya iaitu bekerjasama dengan masyarakat dan selari KPI KPN dalam program meningkatkan aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah. Arahan mengenai pelaksanaan kepolisan masyarakat telah dikeluarkan di bawah Arahan KPN bil. 70 pada 11 Mac 2008. Lanjutan kepada arahan ini, bengkel kepolisan masyarakat telah diadakan pada 3 Jun hingga 7 Jun 2008 dan telah menetapkan projek perintis *kepolisan masyarakat* di IPD Nusajaya pada 8 Julai 2008, IPD Muar pada 9 Julai 2008 dan IPD Timur Laut pada 12 Julai 2008. Lawatan pemantauan projek perintis kepolisan masyarakat pula diadakan di Balai Polis Wangsa Maju pada 15 Oktober 2008, IPD Petaling Jaya pada 15 Oktober 2008, dan Balai Polis Jalan Petani, Pulau Pinang pada 17 Oktober 2008.

Kesan yang diperolehi berjaya mengorak langkah bagi merealisasikan program kepolisan masyarakat dengan usaha-usaha perancangan, strategi, aktiviti, dan program yang disusun didapati sesuai dan relevan.

## **Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KPN 2008**

Ketua Polis Negara telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) stategiknya dinilai 5 komponen yang dijajarkan kepada Sistem Pengurusan Strategik PDRM

- Mengawal peningkatan kadar jenayah tidak melebihi 5%
- Meningkatkan kadar penyelesaian kes
- Meningkatkan pembanterasan jenayah terancang:
  - Tindakan *harassment*



- Tindakan di bawah undang-undang pencegahan
- Meningkatkan pembanterasan ke arah pengurangan bekalan dan permintaan dadah melalui:
  - Penguatkuasaan undang-undang ke arah pengurangan bekalan dadah
  - Penguatkuasaan undang-undang ke arah pengurangan permintaan dadah
- Meningkatkan aktiviti pencegahan jenayah melalui:
  - *Conventional policing*
  - *Community policing*

### **Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama**

Bil.	Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran(%)	Pencapaian Prestasi (%)	Pengkadaran
1.	Mengawal peningkatan kadar jenayah tidak melebihi 5%	5	- 0.03	ET
2.	Meningkatkan kadar penyelesaian kes	40	44.15	ET
3.	Meningkatkan pembanterasan jenayah terancang:			
3.1.	Tindakan <i>harassment</i>	40	- 3.57	BT
3.2.	Tindakan di bawah undang-undang pencegahan	10	9.49	OT
4.	Meningkatkan pembanterasan ke arah pengurangan bekalan dadah melalui:			
4.1.	Penguatkuasaan undang-undang ke arah pengurangan bekalan dadah	5	12.70	ET
4.2	Penguatkuasaan undang-undang ke arah pengurangan bekalan dadah	10	5.5	OT
5.	Meningkatkan aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah melalui:			
5.1	<i>Conventional Policing</i>	10	6.72	OT
5.2	<i>Community Policing</i>	5	11.83	ET

Berasaskan kepada laporan Petunjuk Prestasi Utama KPN bagi tempoh Januari hingga Disember 2008, pada keseluruhan pencapaian adalah pada rating ST (*Significantly Exceed Target*) - 113.8% (sangat melepasi sasaran).



Walaubagaimanapun Jawatankuasa Perancangan Strategik Jabatan, perlu membuat perancangan dan usaha yang lebih gigih lagi bagi mengenal pasti kelemahan-kelamahan yang ada untuk dibuat penambahbaikan supaya mencapai sasaran yang ditetapkan pada masa akan datang.

Justeru itu Polis Diraja Malaysia akan menumpukan segala perhatian dan usahanya ke arah memantapkan lagi daya operasionalnya terutama sekali ke atas operasi-operasi kepolisan terhadap penjenayah-penjenayah. Sekaligus usaha ini akan menimbal balas aktiviti-aktiviti kepolisan masyarakat dengan keupayaan pasukan bagi membanteras jenayah dalam negara dan jenayah rentas sempadan dan mendatangkan kegerunan kepada penjenayah. Dengan pendekatan serampang dua mata di atas, ianya akan meningkatkan kepercayaan masyarakat tempatan dan pelabur-pelabur asing kepada PDRM. Impak tindakan pelaksanaan di atas ini juga meningkatkan daya saing negara yang lebih kompetitif.



## KESELAMATAN NEGARA

Secara keseluruhannya, keselamatan negara berada dalam keadaan terkawal. Keputusan Pilihan Raya Umum Ke 12 telah menyaksikan berlaku perubahan lanskap politik negara dengan Barisan Nasional gagal memperoleh majoriti 2/3 di Parlimen manakala lima negeri jatuh ke tangan Pakatan Rakyat. Sejajar itu, proses persaingan politik dan kuasa mula berlaku dalam kedudukan ingin memperkuuh pengaruh masing-masing. Sementara itu, persaingan politik ini juga turut mendorong penggunaan isu-isu berkaitan perkauman dan agama bagi memperoleh sokongan namun tindakan tegas pihak keselamatan telah berjaya membendung situasi ini daripada terus merebak.

Penglibatan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam mengeksplotasi isu-isu hak asasi begitu ketara sepanjang tahun 2008. Gerakan ini dipelopori oleh dua NGO utama yang tidak berdaftar iaitu HINDRAF (*Hindu Rights Action Force*) dan Gerakan Mansuhkan ISA (*Internal Security Act*). Gerakan dan aktiviti kumpulan ini telah mendapat sokongan di kalangan parti pembangkang serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan yang lain. Secara keseluruhannya matlamat perjuangan NGO ini adalah untuk mendesak pembebasan tahanan dan pemansuhan ISA yang disifatkan oleh mereka bertentangan dengan hak asasi dan dilaksana untuk kepentingan kerajaan.



Sementara itu, kegiatan militan di negara ini masih lagi bertumpu kepada gerakan kumpulan Jemaah Islamiah. Meskipun hanya seorang anasir Jemaah Islamiah telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (AKDN) namun pengaruh dan keupayaan kumpulan ini masih lagi wujud. Tindakan menghidupkan semula kumpulan ini telah berjaya dikesan di mana usaha-usaha untuk mengadakan sabotaj di tempat-tempat tumpuan orang ramai turut dirancang bagi memperlihatkan keupayaan mereka. Namun langkah segera pihak keselamatan telah berjaya membanteras pergerakan dan rancangan mereka.

Dasar pintu terbuka kerajaan Malaysia serta lain-lain faktor penarik di Malaysia telah membawa hampir 2.4 juta rakyat asing memasuki negara ini. Daripada jumlah ini hampir 180 ribu dikenal pasti memasuki ke negara ini secara tidak sah dan tinggal secara haram setelah tamat tempoh sah dokumen perjalanan rasmi. Kemasukan Pendatang Tanpa Izin (PTI) ini turut dibantu oleh kegiatan sindiket-sindiket pemalsuan dokumen pengenalan dan perjalanan rasmi Kerajaan Malaysia yang menguruskan kemasukan. Sepanjang tahun 2008, Polis DiRaja Malaysia berjaya mengenal pasti 34 sindiket terlibat menjalankan kegiatan (PTI) ke Malaysia serta aktiviti pemalsuan dokumen pengenalan dan perjalanan rasmi Kerajaan Malaysia. Operasi yang dijalankan secara berterusan juga telah berjaya menekang penyeludupan (PTI) dan membanteras aktiviti jenayah yang mereka lakukan.



## **JABATAN PENGURUSAN**

### **1. Laporan Aktiviti dan Pencapaian Tahun 2008**

Tahun dalam kajian merupakan tahun kedua pelaksanaan program dan aktiviti Pelan Strategik 5 Tahun PDRM (PS5T) yang menggariskan sebanyak 103 aktiviti yang menjuruskan kepada 5 teras strategik PDRM iaitu:-

- Pemantapan integriti pegawai polis
- Mempertingkatan kualiti perkhidmatan polis
- Menangani masalah peningkatan jenayah dan kebimbangan masyarakat terhadap jenayah
- Membendung peningkatan penyalahgunaan dadah
- Menangani ancaman keselamatan dalam negeri

Pelan Strategik Lima Tahun PDRM (PS5T:2007–2011) merupakan usaha PDRM ke arah transformasi yang berjangka panjang. Bagi program-program yang diimplementasikan telah dilaksanakan oleh semua Jabatan PDRM seperti berikut:-

### **2. PENAMBAHAN SUMBER MANUSIA**

Mengikut sasaran yang ditetapkan dalam PS5T, PDRM akan mengambil rekrut baru seramai 60,000 orang di mana 90% terdiri daripada pengambilan konstabel dan 10% Inspektor. Pengambilan ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat selama 5 tahun mulai 2007 hingga 2012.

Dalam tahun 2008, seramai 5,707 orang telah dilantik ke jawatan Inspektor Percubaan dan Konstabel Percubaan. Pecahannya mengikut jantina dan bangsa adalah seperti di Jadual 1 dan Jadual 2.



**Jadual 1**

JAWATAN	CALON DILANTIK	
	Lelaki	Wanita
INSPEKTOR PERCUBAAN (Calon Awam)	655	213
INSPEKTOR PERCUBAAN (Calon Kenaikan Pangkat Secara Lantikan-KPLSL)	90	23
KONSTABEL PERCUBAAN (Calon Awam)  (Calon Kenaikan Pangkat Secara Lantikan-KPLSL)	4944  18	-  -
KONSTABEL PERCUBAAN (Calon Awam)	-	760



**Jadual 2**

JAWATAN	JUMLAH DILANTIK TAHUN 2008							JUMLAH
		M	C	I	LLB	LLBP		
INSPEKTOR PERCUBAAN (Calon Awam)	Lelaki Wanita	512 175	47 16	51 4	9 4	36 14	655 213	
INSPEKTOR PERCUBAAN (Calon Kenaikan Pangkat Secara Lantikan-KPLSL)	Lelaki Wanita	60 16	1 1	6 2	3 1	20 3	90 23	
KONSTABEL PERCUBAAN (Calon Awam)	Lelaki	4,316	37	124	12	455	4,944	
KONSTABEL PERCUBAA (Calon Kenaikan Pangkat Secara Lantikan-KPLSL)	Lelaki	15	-	1	-	2	18	
KONSTABEL PERCUBAAN (Calon Awam)	Wanita	591	1	17	3	148	760	

Petunjuk:-

M - Melayu

LLB - Lain-Lain Bangsa

C - Cina

LLBP - Lain-lain Bangsa Bumiputra (Sabah/Sarawak)

I - India



Kesemua calon telah menjalani latihan asas kepolisan di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur, Ayer Hitam (Negeri Sembilan), Muar, Kuching dan Kota Kinabalu.

### **3. Perkhidmatan dan Perjawatan**

Pada tahun 2008, PDRM mempunyai kekuatan sebanyak 100,735 pegawai dan anggota berbanding perjawatan yang diluluskan sebanyak 106,552 merupakan 95% pengisian jawatan dan masih mempunyai kekosongan sebanyak 5,817. Ini menyumbangkan 5% daripada keseluruhan perjawatan yang sedia ada.

Dari aspek perkhidmatan, PDRM telah mengkaji semula skim perkhidmatan polis yang ada di dalam PDRM di antara:-

- Skim Perkhidmatan Pegawai Kanan Polis
- Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel
- Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Sokongan
- Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli

Cadangan Balas perubahan gred, perubahan imbuhan tetap dan perubahan struktur gaji telah dikemukakan ke JPA pada November, 2008 untuk kelulusan. PDRM telah mengkaji semula kedudukan Pegawai-Pegawai Awam dan telah mengambil inisiatif untuk proses pengawaman kakitangan sokongan.

#### **3.1 Proses Pengawaman**

- 3.1.1. Cadangan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM supaya dikeluarkan seramai 833 anggota yang melakukan tugas perkeranian atau '*non police work*' di Bukit Aman;
- 3.1.2. Memohon perjawatan baru untuk kakitangan sokongan di semua Kontinjen dan Formasi PDRM. Seramai 870 kakitangan awam baru pelbagai gred (Sokongan I dan Sokongan II) telah melaporkan diri pada tahun 2007 di seluruh Kontinjen dan Bukit Aman. Daripada 870



kakitangan awam baru yang telah melaporkan diri, seramai 308 kakitangan awam telah ditempatkan di Kontinjen dan formasi. Seramai 383 Pegawai Rendah Polis telah ditukar untuk menjalankan tugas-tugas utama kepolisan. Jumlah selebihnya akan dikeluarkan apabila tugas-tugas mereka diambil alih oleh pegawai awam.

#### **4. Pembangunan Sumber Manusia**

PDRM telah merancang untuk melatih 60,000 anggota dalam tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2007 sehingga tahun 2011. Latihan telah bermula mengikut kapasiti sedia ada dan ianya akan meningkat mengikut perubahan kapasiti yang akan bertambah.

##### **4.1 Program Latihan Asas Kepolisian (PLAK)**

- 4.1.1. Pelatih Inspektor (PLAK 6+5+1) selama 12 bulan iaitu 6 bulan di PULAPOL, 5 bulan latihan amali di kontinjen dan 1 bulan balik semula untuk penilaian di PULAPOL;
- 4.1.2. Pelatih Konstabel (PLAK 3+3+1) selama 7 bulan iaitu 3 bulan latihan amali di kontinjen dan 1 bulan balik semula untuk penilaian di PULAPOL;
- 4.1.3. Pelatih Sarjan selama 12 bulan (apabila Skim Perkhidmatan PDRM baru diluluskan dengan kelayakan masuk Diploma dan STPM) iaitu 6 bulan di PULAPOL, 5 bulan latihan amali di kontinjen dan 1 bulan balik semula untuk penilaian di PULAPOL.

##### **4.2. Sasaran**

- 4.2.1. Mengubahsuai dan menaik taraf lima (5) institusi latihan asas iaitu PULAPOL Kuala Lumpur, PULAPOL Air Hitam, PULAPOL Muar, PULAPOL Kuching dan PULAPOL Kota Kinabalu melalui projek *Build, Lease & Transfer* (BLT);



- 4.2.2. Mengubahsuai dan menaik taraf Maktab PDRM Kuala Kubu Bahru, Pusat Latihan Pasukan Gerakan Marin Tampoi dan Pusat Latihan Unit Udara Polis Ipoh; juga melalui projek BLT;
- 4.2.3. Bagi tujuan pelaksanaan PLAK Fasa II, diwujudkan Sekolah Latihan Kontinjen (SLK) di mana setiap SLK berkapasiti mengisi 250 orang pelatih.

## **5. Institusi Latihan Sedia Ada**

PDRM mempunyai lima (5) Pusat Latihan Polis (PULAPOL) untuk memberi latihan asas kepada Pelatih Inspektor dan Konstabel.

### **5.1 Pusat Latihan Polis (PULAPOL) PDRM:-**

- 5.1.1. PULAPOL Kuala Lumpur - pengambilan bagi 1,125 Pelatih Inspektor. Kapasiti akan meningkat kepada 1,500 pelatih dengan pembinaan BLT;
- 5.1.2. PULAPOL Air Hitam, Negeri Sembilan - pengambilan bagi 750 Pelatih Konstabel di mana kapasiti maksima adalah 850 orang. Kapasiti akan meningkat kepada 1,500 pelatih dengan pembinaan BLT;
- 5.1.3. PULAPOL Muar, Johor - kapasiti maksima pengambilan bagi 500 Pelatih Konstabel;
- 5.1.4. PULAPOL Kuching, Sarawak - kapasiti maksima pengambilan bagi 850 Pelatih Konstabel. Kapasiti akan meningkat kepada 1,500 pelatih dengan pembinaan BLT;



5.1.5. PULAPOL Kota Kinabalu, Sabah - pengambilan bagi 250 Pelatih Konstabel. Kapasiti akan meningkat kepada 1,000 pelatih dengan pembinaan BLT.

## **5.2. Perkembangan Pembinaan PULAPOL Sedia Ada Dan Baru**

Di samping membina Institusi yang baru, kerja-kerja untuk menaik taraf pembinaan Pusat-Pusat Latihan Polis (PULAPOL) yang sedia ada telah dilaksanakan dan perinciannya adalah seperti berikut:-

<b>PULAPOL</b>	<b>KOS (Juta)</b>	<b>KAPASITI</b>	<b>STATUS</b>
Pusat Latihan Polis Kuching(pembesaran)	RM 300 juta	1,000 pelatih	Fasa I: Tahap kemajuan 42% iaitu kerja-kerja tanah, infrastruktur, padang tembak dan tempat latihan PGA. Fasa II: Tahap kemajuan 1% iaitu kerja-kerja cerucuk bangunan pejabat dan kuarters. Fasa III: Belum mula.
Pusat Latihan Polis Kota Kinabalu (pembesaran)	Masih belum diputuskan	Belum diputuskan	Projek belum bermula kerana Briged Sabah/ Batalion 16 PGA belum berpindah.
Pusat Latihan Polis Langkawi	RM 100 juta	500 pelatih	Bekas bangunan Delima Resort. Jangkaan serah kepada PDRM pada 23/3/2009 tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu, pengambilan pertama hanya dapat dibuat selepas bulan Jun 2009.
Pusat Latihan Polis Jementah	RM 130 juta	500 pelatih	Mesyuarat penetapan skop kerja peringkat akhir dibuat pada 10/2/2009 di cawangan Kerja Keselamatan JKR Malaysia. Dengan tambahan peruntukan pada masa hadapan akan tercapai kapasiti maksimum 1,500 orang. Akan menggantikan PULAPOL Muar.



Pusat Latihan Polis Dungun	RM 114 juta	500 pelatih	Menunggu kelulusan Kementerian Kewangan bagi membolehkan Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada Kontraktor. Dengan tambahan peruntukan pada masa hadapan akan mencapai kapasiti maksimum 1,000 orang. Projek dijangka selama dua tahun dan akan bermula seawal tahun 2009.
Pusat Latihan Polis Bukit Sentosa, Rawang	Masih belum diputuskan	1,500 pelatih	Cadangan pembelian Kompleks Kolej Aman Maxisegar dengan harga tawaran RM36 juta. Masih menunggu keputusan Kerajaan berhubung penilaian semula oleh Jabatan Perkhidmatan Penilaian Harta (JPPH).
Pusat Latihan Ketenteraman Awam PULKA Pelangai, Bentong	RM 150 juta	500 pelatih (Fasa I)	Kapasiti maksimum 5,000 orang dan akan dilaksanakan dalam 3 fasa iaitu:- Fasa I – pembinaan Pusat Latihan PGA Fasa II – pembinaan Pusat Latihan PGK/PSP/Trafik Fasa III – pembinaan Pusat latihan Pencegahan Jenayah / PBB / Krisis & Bencana / Sekolah Memandu / Perisai. Penetapan bangunan / <i>layout</i> pelan dan kerja dijangka bermula pada April 2009

### **5.3. Perkembangan Pembinaan Sekolah Latihan Kontinjen (SLK)**

Tahap kemajuan bagi sembilan (9) Sekolah Latihan Kontinjen (SLK) yang telah dan sedang berjalan adalah seperti berikut:-

#### **5.3.1. SLK Merlimau, Melaka**

Bangunan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dengan kadar sewaan RM 69,020.00 sebulan. Sewaan sehingga tahun 2010 dan boleh dilanjutkan sehingga tahun 2012. Digunakan bagi projek perintis Pelatih Konstabel Lelaki siri 2/2007 PULAPOL Muar seramai 250 orang pada 11 Februari 2008 sehingga 11 April 2008.



- 5.3.2. SLK Seremban, Negeri Sembilan  
Bangunan lama Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Seremban, Negeri Sembilan. Digunakan oleh kumpulan pertama Pelatih Konstabel Wanita siri 1/2008 PULAPOL Air Hitam seramai 250 orang pada 01 September 2008 sehingga 01 November 2008.
- 5.3.3. SLK Kuala Muda, Kedah  
Bangunan lama IPD Kuala Muda, Kedah. Digunakan oleh kumpulan pertama Pelatih Konstabel lelaki siri 2/2007 PULAPOL Muar seramai 237 pada 08 Mac 2008 sehingga 09 May 2008
- 5.3.4. SLK Anak Bukit, Alor Setar, Kedah  
Bangunan lama berek kelamin IPK Kedah. Digunakan oleh kumpulan pertama Pelatih Konstabel Lelaki siri 2/2008 PULAPOL Muar seramai 250 orang mulai 15 Januari 2009 sehingga 15 Mac 2009
- 5.3.5. SLK Pasir Putih, Ipoh, Perak  
Kompleks Latihan/Sukan IPK Perak. Digunakan kali pertama oleh Pelatih Konstabel siri 2/2008 PULAPOL Muar pada 15 Februari 2009 sehingga 15 April 2009
- 5.3.6. SLK Butterworth, Pulau Pinang  
Bangunan lama IPD Butterworth, Pulau Pinang. Digunakan oleh kumpulan pertama Pelatih Inspektor siri 3/2008 PULAPOL Kuala Lumpur seramai 281 orang pada 02 Mac 2009 sehingga 04 Julai 2009



- 5.3.7. SLK Kota Sentosa, Kuching, Sarawak  
Bangunan lama PULASAR. Telah menerima kali pertama Pelatih Konstabel siri 2/2008 PULAPOL Sarawak seramai 343 orang pada 18 November 2008 sehingga 17 Januari 2009.
- 5.3.8. SLK Sibu, Sarawak  
Bangunan kedai tiga (3) tingkat yang disewa dari syarikat Salam Prima dengan kadar sewaan RM 8,586,000.00 selama 3 tahun. Jangkaan siap Jun 2009.
- 5.3.9. SLK Miri, Sarawak  
Belum diputuskan sama ada sewaan bangunan atau ubahsuai berek pegawai lama IPD Miri. Sekiranya bangunan kedai dua (2) tingkat, kadar sewaan adalah RM 95,000.00 sebulan.

#### **5.4. Pembangunan Infrastruktur Latihan**

##### **5.4.1. Cadangan Pembinaan PULAPOL Jementah, Segamat, Johor**

Projek ini telah diluluskan di bawah peruntukan *Private Financial Initiatives* (PFI) 2006 dengan anggaran kos sebanyak RM 100 juta dan pihak JKP sebagai agensi pelaksana. Tapak cadangan adalah di atas lot 1721 Mukim Jementah, Daerah Segamat hak Persekutuan untuk kegunaan PDRM.

Kapasiti pelatih yang boleh ditampung oleh Pusat Latihan ini maksima 1500 orang dan minima 500 orang. Telah diputuskan bahawa



dengan peruntukan RM 100 juta kapasiti pelatih seramai 500 orang dan kemungkinan pada masa hadapan akan ditambah peruntukan untuk mencapai kapasiti maksima. Projek ini dijangka bermula pada tahun 2009.

#### **5.4.2. PULAPOL LANGKAWI, KEDAH**

Projek ini telah diluluskan dengan persetujuan Kabinet membina Pusat Latihan Polis di Langkawi dengan kapasiti 750 orang pelatih. Dibina di atas tapak Hotel Delima dengan anggaran kos RM 115 juta dengan pihak JKR sebagai agensi pelaksana.

Kapasiti pelatih yang boleh ditampung oleh Pusat Latihan ini maksima 750 orang dan projek ini bermula pada Januari 2008 dan dijangka siap pada 24 Mac 2009.

#### **5.4.3. PULKA, PELANGAI, BENTONG, PAHANG**

Projek ini diluluskan di bawah peruntukan PFI 2006 dengan anggaran kos sebanyak RM 150 juta dengan pihak JKR sebagai agensi pelaksana. Tapak cadangan adalah di dalam Mukim Pelangai, Daerah Bentong.

Kapasiti pelatih yang boleh ditampung oleh Pusat Latihan ini maksima 5000 orang dalam suatu masa dan akan dilaksanakan dalam 3 fasa seperti berikut:-



Fasa 1 - Pembinaan Pusat Latihan PGA  
Fasa2 - Pembinaan Pusat Latihan PGK/PSP/Trafik  
Fasa 3 - Pembinaan Pusat Latihan Pencegahan Jenayah/ PBB/ Pencegahan Jenayah/ PBB/ Krisis dan Bencana/ Sekolah Memandu/ Perisai.

Bagi Fasa 1, sebanyak RM 150 juta telah diperuntukkan sebagai kos pembinaan Pusat Latihan PGA yang boleh menampung pelatih seramai 500 orang. Fasa 2 dan Fasa 3 perancangan telah dibuat agar dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke 10.

### **5.5. Kursus Jangka Panjang Di Maktab PDRM Kuala Lumpur**

Pembangunan Modal Insan PDRM bukan hanya terhad kepada Program Latihan Asas Kepolisian tetapi merangkumi program-program latihan pembangunan kerjaya dan program-program latihan pembangunan kerjaya dan program-program latihan dalam perkhidmatan seperti berikut:

#### **5.5.1. Diploma Sains Siasatan**

Kursus Diploma Sains Siasatan yang berlangsung mulai 30 Disember 2007 sehingga 28 November 2008 telah dihadiri oleh 34 orang peserta dari Polis Diraja Malaysia dan 4 peserta luar negara.



#### **5.5.2.**

#### **Diploma Sains Siasatan**

Kursus Diploma Sains Siasatan yang berlangsung mulai 21 Disember 2008 sehingga 28 November 2009 telah dihadiri oleh 35 orang peserta dari Polis Diraja Malaysia dan 5 peserta luar negara.

#### **5.5.3.**

#### **Diploma Siswazah Sains Kepolisian**

Kursus Diploma Siswazah Sains Kepolisian yang berlangsung mulai 14 May 2007 sehingga 14 May 2008 telah dihadiri oleh 36 orang peserta dari Polis Diraja Malaysia dan 6 peserta luar negara.

#### **5.5.4.**

#### **Diploma Siswazah Sains Kepolisian**

Kursus Diploma Siswazah Sains Kepolisian yang berlangsung mulai 12 Mei 2008 sehingga 10 May 2009 telah dihadiri oleh 35 orang peserta dari Polis Diraja Malaysia dan 7 peserta luar negara.

#### **5.5.5.**

#### **Program Ijazah Sarjana Sains Sosial**

Kursus Ijazah Sarjana Sains Sosial yang berlangsung mulai 12 Februari 2007 sehingga 15 Ogos 2008 telah dihadiri oleh 18 orang peserta dari Polis Diraja Malaysia.



### **5.5.6. Program Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengajian Kepolisian)**

Kursus Ijazah Sarjana Sains Sosial yang berlangsung mulai 29 Jun 2008 sehingga Disember 2009 telah dihadiri oleh 17 orang peserta dari Polis Diraja Malaysia dan seorang peserta ATM.

### **5.5.7 International Senior Command Course**

Kursus Ijazah Sarjana Sains Sosial yang diadakan mulai 10 Oktober 2008 sehingga 7 November 2008 telah dihadiri oleh 11 orang peserta dari Polis Diraja Malaysia dan 36 peserta luar negara.



## 5.6. Kursus Jangka Panjang di Institut Pengajian Tinggi Dalam dan Luar Negara

Dalam tahun 2008, seramai 48 Pegawai dan APR PDRM telah dan sedang mengikuti kursus seperti berikut:

Bil	Tempat Kursus	Jenis Kursus	Tarikh Kursus	Jumlah Peserta
1.	University di Luar Negara	Ph.D <i>managing information</i> <i>Master forensic investigation</i> Sarjana kajian strategik	03 Mac 2008 - 03 Mac 2011 25 September 2008 - 25 September 2009 28 Julai 2008 - 25 Julai 2009	1 1 1
2.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Ijazah Sarjana Muda Undang - Undang	29 Jun 2008 - 28 Jun 2012	21
3.	Universiti Kebangsaan Malaysia	Ph.D Pengajian Strategik & Keselamatan Sarjana Sains Sosial [Psikologi Kaunseling] Sarjana Sains Sosial [Pembangunan Manusia] Sarjana Undang-Undang Sarjana Sains Sosial [Pengajian Rasuah]	04 Julai 2008 - 03 Julai 2011 25 Jun 2008 - 24 Jun 2010 25 Jun 2008 - 24 Jun 2011 01 Julai 2008 - 31 Disember 2009 07 Julai 2008 - 06 Januari 2010	1 1 1 1 2



4.	Universiti Teknologi Mara [UITM]	Sarjana Penguatkuasa Undang-Undang Ijazah Sarjana Muda Ukur Bangunan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang	07 Julai 2008 - 06 Disember 2009 29 Jun 2008 - 28 Jun 2012 02 Februari 2008- 01 Julai 2009	1 1 1
5.	Universiti Sains Malaysia	Sarjana Pentadbiran Awam Sarjana Sains [Teknologi Bangunan] Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan	02 Februari 2008- 01 Julai 2009 05 Julai 2008 - 04 Julai 2009 28 Jun 2008 - 27 Jun 2011	1 1 3
6.	Universiti Utara Malaysia	Sarjana Pengurusan Awam	02 Januari 2008 - 01 Jun 2009	1
7.	Universiti Malaysia Sabah	Sarjana Pentadbiran Perniagaan	12 Julai 2008 - 11 Julai 2010	1
8.	Universiti Putra Malaysia	Bachelor Sains [Pembangunan Manusia Dan Pengurusan	28 Jun 2008 - 27 Jun 2012	1
9.	Universiti Teknologi Malaysia	Sarjana Pengurusan [Teknologi]	15 Disember 2008 - 14 Jun 2010	1



10.	Institut Tadbiran Awam Negara	Sarjana Sains Pengurusan	17 Mac 2008 - 16 November 2009	4
11.	Maktab Pertahanan Angkatan Tentera	Sarjana Sains Sosial [Pengajian Pertahanan]	15 Januari 2008 - 04 Januari 2009	2

Nota : Jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 48 orang

## **5.7. Pelaksanaan Keseluruhan Program dan Aktiviti Pembangunan Modal Insan**

Latihan bagi pengambilan seramai 60,000 pelatih secara berperingkat selama lima (5) tahun dapat dicapai sekiranya pembinaan projek Pusat Latihan Polis yang baru iaitu PULAPOL Langkawi, PULAPOL Bukit Beruntung, PULAPOL Jementah, Segamat dan PULAPOL Dungun, Terengganu siap mengikut fasa, masa dan kapasiti pelatih yang telah ditetapkan. Begitu juga dengan projek-projek pembaikan / pengubahsuaian bagi PULAPOL sedia ada dan SLK di semua kontinjen perlu siap sepenuhnya mengikut keperluan. Keperluan perjawatan bagi Sekolah Latihan Kontinjen (SLK) juga perlu dipenuhi agar tidak berlaku masalah sandaran perjawatan dari PULAPOL lain dan keperluan tenaga pengajar akademik dan latihan luar dapat diisi.



## **5.8. Laporan Program-Program Pemantapan Integriti Pasukan**

### **5.8.1. Audit Nilai PDRM**

Di peringkat jabatan Polis Diraja Malaysia, audit nilai telah dijalankan ke atas pegawai dan anggota melibatkan 20 Kontinjen / Briged / Formasi. Seramai 4,455 responden dalaman daripada 97,929 pegawai dan anggota telah memberi maklum balas melalui borang audit nilai yang disediakan.

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa agensi ini mempunyai kesedaran terhadap kepentingan nilai-nilai murni namun penghayatan dan pengamalan nilai perlu dipertingkatkan ke tahap yang lebih cemerlang. Agensi ini memerlukan perancangan program nilai secara lebih strategik.

Diharapkan sistem pengurusan audit nilai ini dapat dijadikan asas tindakan ke arah usaha mengukur penghayatan dan amalan nilai-nilai murni di agensi ini. Pengetahuan yang tepat mengenai tahap penghayatan dan amalan nilai-nilai murni dapat membantu pihak pengurusan mengenal pasti, merangka dan seterusnya melaksanakan program-program nilai murni yang bersesuaian dan bertepatan dengan kehendak dan persekitaran di agensi ini. Peningkatan dan amalan nilai-nilai murni yang tinggi menyumbangkan kepada peningkatan imej agensi dan amalan secara langsung merangsang kepada keupayaan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.



### **5.8.2. Tindakan Tatatertib**

Pada tahun 2008 seramai 759 Pegawai Kanan dan Anggota Pangkat Rendah telah dikenakan tindakan tatatertib. Statistik tindakan tatatertib seperti di lampiran B, B1 dan B2.

### **5.9. Program Kualiti PDRM**

Seperti agensi-agensi penguatkuasaan yang lain, PDRM tidak terkecuali di tuntut untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti. Usaha ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mutu kerja sentiasa diteruskan melalui program-program seperti berikut:-

- \* KMK
- \* Sistem Kawalan Dadah dan Disiplin (SKDD)
- \* *Mentoring*
- \* *Roll-calls*
- \* *O-Group*
- \* MPK dan Fail Meja
- \* *Sistem Star Rating (SSR)* dan
- \* Memperluaskan aktiviti ke arah mencapai pengiktirafan MS ISO

PDRM telah mendapat pengiktirafan dan persijilan di bawah standard MS ISO 9001:2000 daripada *Moody International Certification (Malaysia) Sdn. Bhd.* pada 25 Mac 2008, bersempena peringatan Hari Polis ke-201 Tahun bagi empat (4) proses utama berikut:

- 5.9.1. Pengurusan Trafik di Cawangan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Klang, IPPD Petaling Jaya, Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPPK) Selangor dan Ibu Pejabat Polis (IPP) Bukit Aman.
- 5.9.2. Pengurusan dan Penyampaian Kursus di Maktab PDRM Kuala Lumpur;



- 5.9.3. Pengurusan Siasatan Jenayah Kes Seksual, Penganiayaan Kanak-Kanak (PKK) di Bahagian Siasatan Jenayah Seksual / Penderaan Kanak-Kanak (D11), IPPK Kuala Lumpur dan Keganasan Rumah Tangga (KRT) di Bahagian Siasatan Jenayah, IPPD Cheras, Kuala Lumpur; dan
- 5.9.4. Pengurusan Perlucutahan Harta di Bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucutahan Harta) 1988, Akta 340 di Bahagian Perlucutahan Harta, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, IPPD Johor Bahru Selatan, IPPK Johor dan IPP Bukit Aman.

Dalam tahun 2008, dua siri Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan telah diadakan pada 13 Mei 2008 dan 31 Disember 2008. Manakala audit dalaman telah dilaksanakan oleh pasukan Audit Dalam pada 17 Mac hingga 18 Mac 2008 dan 27 November sehingga 15 Disember 2008 bagi empat proses utama berkenaan.

PDRM menekankan kepentingan pengetahuan dan pengalaman dalam usaha untuk memantapkan sumber modal insan. Ke arah ini pihak pengurusan telah menerima secara kontrak pegawai-pegawai yang telah bersara sebagai tenaga pengajar. Seramai 15 orang pegawai ditempatkan di Pusat Latihan Kuala Lumpur (PULAPOL) dan 5 orang pegawai di Maktab PDRM Cheras.

## **6. Penempatan Semula dan Pembesaran Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan**

PDRM melalui cadangan di bawah PS5T dan selari dengan syor yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Penambahbaikan, Perjalanan dan Pengurusan PDRM telah menempatkan kedudukan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan daripada Jabatan Pengurusan ke Urus Setia KPN pada



April 2007. Langkah ini telah diambil dengan tujuan untuk menyelaras dan meragamkan segala inisiatif program-program berkaitan dengan peningkatan kualiti kerja pasukan. Di samping itu, juga Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan telah diperkembangkan dari segi struktur dan anggotanya bertujuan untuk memantapkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan dalam PDRM.

## **7. Penstrukturan Semula Peringkat Balai**

Tahun dalam kajian juga menyaksikan PDRM giat meningkatkan usaha penstrukturan semula peringkat balai-balai dan daerah-daerah polis. Pada tahun yang sama JPA telah meluluskan waran bagi 20 buah balai polis Kategori A melibatkan Kontinjen Johor, Kedah, Kuala Lumpur dan Kelantan. 7 buah balai polis di Wilayah Iskandar Johor Kategori E, 3 IPD di Johor dan penambahan perjawatan di KLIA Sepang. Kelulusan yang diberikan adalah secara berperingkat-peringkat. Tarikh kuat kuasa mulai 1 September, 2008.

## **8. Pengurusan Persepsi Pasukan**

Tahun 2008 menyaksikan peningkatan persepsi negatif masyarakat terhadap PDRM melalui media massa. Kajian berikut menunjukkan kategori laporan melalui media massa terhadap perkhidmatan PDRM. Semasa tempoh kajian, sebanyak 845 isu negatif berkaitan polis dilaporkan dalam media massa. Antara isu-isu negatif yang menjadi tumpuan adalah seperti berikut :-

- \* Kurang kecekapan polis dalam menjalankan tugas
- \* Salah laku dan isu integriti
- \* Penyalahgunaan kuasa
- \* Rasuah

Menurut laporan-laporan daripada media massa, isu-isu yang dilaporkan oleh media massa adalah seperti berikut:-

- \* Isu neutral — 20,553
- \* Isu positif — 3,124



## **LAMPIRAN A**

### **STATISTIK PERJAWATAN/ KEKUATAN/ KEKOSONGAN MENGIKUT JABATAN PEGAWAI BERUNIFORM BERAKHIR 28 FEBRUARI 2009**

JABATAN	Perjawatan (a)	(Kekuatan) %	Kekuatan Semasa (b)	(Kekuatan Semasa) %	Kekosongan / Lebihan
PENGURUSAN	35,473	33.4	38,464	38.3	+ 2,991
KDN/KA	39,279	37	32,510	32.3	6,769
LOGISTIK	10,788	10.2	10,585	10.9	203
JSJ	8,449	8	8,918	8.9	+ 469
C/KHAS	7,643	7.2	5,094	5.1	2,549
JSJN	3,574	3.4	3,615	3.6	+ 41
JSJK	1,053	1	1,309	1.3	+ 256
JUMLAH	106,259	100	100,495	100	5,764
KADER POLIS	273	100	219	81	53
KADET TERBUKA	21	100	21	100	0
JUMLAH BESAR UNIFORM	106,552	100	100,735	95	5,817

**NOTA:** 1) Telah diambilkira agihan semula IO/AIO rujukan KPN 46

- 2) (+)lebihan      (- )kekosongan
- 3) Kekuatan di Jabatan Pengurusan termasuk elemen Simpanan Latihan & Kontinjenси
- 4) Penambahan WP: K16/2008— BP Functional & PP Komuniti



**LAMPIRAN B**

**PERANGKAAN JUMLAH PEGAWAI KANAN/PRP YANG DIKENAKAN  
TINDAKAN TATATERTIB MENGIKUT KONTINJEN BAGI TAHUN 2008**

BIL.	KONTINJEN	TAHUN 2008		
		PEGAWAI	APR	JUMLAH
1.	PERLIS	2	11	13
2.	KEDAH	6	53	59
3.	PULAU PINANG	11	68	79
4.	PERAK	7	71	78
5.	SELANGOR	5	55	60
6.	KUALA LUMPUR	9	103	112
7.	NEGERI SEMBILAN	1	33	34
8.	MELAKA	2	22	24
9.	JOHOR	5	26	31
10.	PAHANG	8	52	60
11.	TERENGGANU	1	21	22
12.	KELANTAN	2	17	19
13.	SABAH	2	40	42
14.	SARAWAK	1	13	14
15.	BDE UTARA	1	16	17
16.	BDE TENGAH	1	15	16
17.	BDE TENGGARA	1	5	6
18.	BDE SABAH	2	25	27
19.	BDE SARAWAK	2	4	6
20.	MPKPKL	0	6	6
21.	MPRPKKB	0	0	0
22.	PLPGA ULU KINTA	0	2	2
23.	PULAPOL KL	2	0	2
24.	PULAPOL AIR HITAM	0	3	3
25.	PULAPOL MUAR	0	0	0
26.	PULAPOL KK	0	0	0
27.	PULAPOL KUCHING	0	3	3
28.	BUKIT AMAN	16	6	24
	<b>JUMLAH</b>	<b>89</b>	<b>670</b>	<b>759</b>



**LAMPIRAN B1**

**PERANGKAAN JENIS KESALAHAN TATATERTIB YANG DILAKUKAN OLEH  
PEGAWAI KANAN/APR BAGI TAHUN 2008**

BIL.	PPPA 1993.	TAHUN/ JENIS KESALAHAN	TAHUN 2008		
			PEGAWAI	APR	JUMLAH
1.	4(2)(a)	MEMBELAKANG TUGAS AWAM	1	3	4
2.	4(2)(b)	BERKELAKUAN BERCANGGAH DENGAN TUGAS AWAM	1	3	4
3.	4(2)(c)(i)(ii)	MENJEJASKAN PEGAWAI AWAM/ FAEDAH SENDIRI	1	8	9
4.	4(2)(d)	MENCEMAR REPUTASI PASUKAN	7	89	96
5.	4(2)(e)	KURANG KECEKAPAN	25	13	38
6.	4(2)(f)	TIDAK JUJUR/ TIDAK AMANAH	3	80	83
7.	4(2)(g)	TIDAK BERTANGGUNGJAWAB	24	226	250
8.	4(2)(h)	SALAHGUNA KUASA	0	1	1
9.	4(2)(i)	INGKAR PERINTAH	48	312	360
10.	4(2)(j)	CUAI	4	27	31
11.	*	SABITAN MAHKAMAH	3	27	30
	<b>JUMLAH</b>		<b>117</b>	<b>789</b>	<b>906</b>



**LAMPIRAN B2**

**PERANGKAAN JENIS HUKUMAN TATATERTIB KEATAS PEGAWAI/APR  
BAGI TAHUN 2008**

BIL.	PER 38 PPPA 1993.	JENIS HUKUMAN	TAHUN 2008		
			PEGAWAI	APR	JUMLAH
1.	38(a)	AMARAN	42	449	491
2.	38(b)	DENDA	45	223	268
3.	38(c)	LUCUTHAK EMOLUMEN	18	48	66
4.	38(d)	TANGGUH PERGERAKAN GAJI	5	16	21
5.	38(e)	TURUN GAJI	0	12	12
6.	38(f)	TURUN PANGKAT	1	8	9
7.	38(g)	BUANG KERJA	6	33	39
		BEBAS			
		SURAT NASIHAT			
<b>JUMLAH BESAR</b>			117	789	<b>906</b>



## JABATAN SIASATAN JENAYAH

### JENAYAH INDEKS

Pada Tahun 2008 bilangan jenayah indeks yang dilaporkan adalah berjumlah 211, 645 kes iaitu 37, 817 kes adalah jenayah kekerasan dan 173, 828 kes jenayah harta benda. Pada keseluruhannya kejadian jenayah indeks pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.98%. Namun begitu bagi tempoh yang sama jenayah harta benda didapati menurun sebanyak 595 kes atau 0.34%, tetapi jenayah kekerasan meningkat sebanyak 2,658 kes atau 7.55%. Statistik jenayah kekerasan dan harta benda seperti di Jadual 1 dan 2.

### JENAYAH KEKERASAN JANUARI-DISEMBER 2007/2008

JADUAL 1

KESALAHAN	JAN - DIS 2007			JAN - DIS 2008			+/-	% +/-
	PENDUDUK	JEN. INDEK	KES PER 100,000 PENDUDUK	PENDUDUK	JEN. INDEK	KES PER 100,000 PENDUDUK		
BUNUH	27,312,800	590	2.16	BUNUH	27,590,400	654	2.37	0.21 9.73
ROGOL	27,312,800	3,176	11.63	ROGOL	27,590,400	3,494	12.66	1.04 8.91
SAMUN BERKAWAN B/S/API	27,312,800	75	0.27	SAMUN B	27,590,400	182	0.66	0.39 140.23
SAMUN BERKAWAN T/B/API	27,312,800	7,093	25.97	SAMUN B	27,590,400	21,804	79.03	53.06 204.31
SAMUN BERSENJATAPI	27,312,800	197	0.72	SAMUN B	27,590,400	76	0.28	-0.45 -61.81
SAMUN TANPA SENJATAPI	27,312,800	17,235	63.10	SAMUN T	27,590,400	4,959	17.97	-45.13 -71.52
MENCEDERAKAN	27,312,800	6,793	24.87	MENCEDE	27,590,400	6,648	24.10	-0.78 -3.12
JUMLAH	27,312,800	35,159	128.73	UMLAH	27,590,400	37,817	137.07	8.34 6.48



## JENAYAH HARTA BENDA JANUARI— DISEMBER 2007/2008

**Jadual 2**

JAN - DIS 2007			JAN - DIS 2008			+/-	% +/-
KESALAHAN	JEN. INDEK	KES PER 100,000 PENDUDUK	KESALAHAN	JEN. INDEK	KES PER 100,000 PENDUDUK		
CURI	44,646	163.46	CURI	41,215	149.38	-14.08	-8.61
CURI MOTOLORI/VAN	5,047	18.48	CURI MOTOLORI/VAN	6,263	22.70	4.22	22.84
CURI MOTOKAR	12,428	45.50	CURI MOTOKAR	15,198	55.08	9.58	21.06
CURI MOTOSIKAL	67,606	247.52	CURI MOTOSIKAL	67,359	244.14	-3.39	-1.37
RAGUT	11,106	40.66	RAGUT	8,205	29.74	-10.92	-26.86
PECAH RUMAH SIANG	9,160	33.54	PECAH RUMAH SIANG	9,118	33.05	-0.49	-1.46
PECAH RUMAH MALAM	24,430	89.45	PECAH RUMAH MALAM	26,470	95.94	6.49	7.26
<b>JUMLAH</b>	<b>174,423</b>	<b>638.61</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>173,828</b>	<b>630.03</b>	<b>-8.58</b>	<b>-1.34</b>

Bilangan jenayah indeks bagi setiap 100,000 orang penduduk pada tahun 2008 adalah 767.10 kes berbanding tahun 2007 sebanyak 767.34 kes iaitu penurunan sebanyak 0.03%. Statistik jenayah indeks yang dilaporkan di Malaysia bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti di Jadual 3.

## PERBANDINGAN NISBAH 100,00 PENDUDUK TEMPOH JAN – DIS 2007/ 2008

**Jadual 3**

JAN - DIS 2007			JAN - DIS 2008			
KESALAHAN	JEN. INDEKS	KES PER 100,000 PENDUDUK	KESALAHAN	JEN. INDEKS	KES PER 100,000 PENDUDUK	+/-
JEN. KEKERASAN	35,159	128.73	JEN. KEKERASAN	37,817	137.07	8.34
JEN. HARTA BENDA	174,423	638.61	JEN. HARTA BENDA	173,828	630.03	-8.58
<b>JUM. JEN. INDEKS</b>	<b>209,582</b>	<b>767.34</b>	<b>JUM. JEN. INDEKS</b>	<b>211,645</b>	<b>767.10</b>	<b>-0.24</b>



Pada 18 April 2008, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman telah berjaya menangkap (3) lelaki India dan (2) lelaki Cina yang terlibat dalam kes samun bersenjata di Pintu 7, Aras 5, Bangunan Main Terminal Building, Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA. Turut di rampas 5 pucuk pistol semi auto, 289 butir peluru hidup, wang tunai RM 294,850, SD 12, 000.00, USD 129, 000 dan 5 pasang gari.



## Curi Kenderaan

### **OPS Lejang *Northport***

Sebanyak 6 buah Toyota Hilux yang dilaporkan hilang telah dijumpai dalam operasi yang dijalankan pada 21 Januari 2008 dan 05 Februari 2008. Kenderaan-kenderaan tersebut dijumpai di dalam beberapa buah kontena yang telah siap sedia untuk dibawa keluar dari negara ini melalui Pelabuhan Klang. Operasi ini telah berjaya menangkap 6 orang yang bertanggungjawab melakukan jenayah berkaitan.

### **OPS Lejang Speed Star**

Pada 14 Oktober 2008 Jabatan Siasatan Jenayah Selangor telah membuat serbuan di sebuah bengkel kereta di Kampung Subang, Petaling Jaya. Dari penyiasatan yang dijalankan telah berjaya menangkap 12 orang yang disyaki serta merampas 14 enjin kenderaan jenis Naza Citra yang dilapor hilang di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.

### **OPS Lejang Manjung**

Pada 18 April 2008, Jabatan Siasatan Jenayah Perak telah menangkap seorang lelaki cina yang disyaki melakukan samun. Hasil siasatan yang dijalankan berjaya membongkar kegiatan samun dan curi kenderaan dengan menangkap 6 orang yang disyaki, merampas 26 buah kenderaan pelbagai jenis yang dilaporkan hilang serta menjumpai 27 enjin pelbagai jenis kenderaan dilapor hilang. Operasi ini juga berjaya melumpuhkan kegiatan mengubah suai kenderaan curi yang dijalankan oleh sebuah bengkel kereta di Ayer Tawar, Perak.

### **Kes Culik Untuk Tebusan**

Jenayah culik untuk tebusan tidak termasuk di dalam kategori jenayah indeks. Namun jenayah ini mendapat perhatian penuh polis kerana meibatkan nyawa individu. Sepanjang tahun 2008, sejumlah 12 kes culik untuk tebusan dilaporkan yang melibatkan penculikan terhadap 15 orang mangsa serta jumlah wang tebusan sebanyak RM66 juta, USD 2.5 juta dan SD 15 juta. Manakala kejadian pada tahun 2007 sebanyak 23 kes dilaporkan dengan mangsa penculikan seramai 25 orang serta jumlah wang tebusan sebanyak RM36.6 juta dan RP 1.5 juta.

Dari sejumlah 15 orang mangsa yang berumur di antara 6 tahun hingga 66 tahun yang diculik pada tahun 2008, 13 orang berjaya diselamatkan manakala 2 orang telah dibunuhan oleh penculik. Manakala itu, wang tebusan yang



telah dibayar berjumlah RM5.6 juta dan SD 2.6 juta. Polis telah berjaya mengesan 9 kumpulan penculik dan menangkap 36 orang yang disyak sepanjang tahun 2008 dan wang tebusan berjumlah RM2.3 juta telah diperolehi kembali. 22 orang dari yang ditangkap telah dituduh di mahkamah di bawah pelbagai kesalahan antaranya kesalahan menculik untuk tebusan, memiliki senjata api dan membunuh. Polis juga berjaya merampas 10 pucuk pistol bersama 205 butir peluru dan 3 biji bom tangan.



## JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL

### Jenayah Komersil

Pada tahun 2008 sebanyak 65,027 laporan jenayah komersil telah diterima. Dari jumlah ini sebanyak 17,311 kertas siasatan telah dibuka berbanding 10,160 bagi tahun 2007. Berdasarkan jumlah ini menunjukkan kes jenayah komersil telah meningkat sebanyak 7,151 (70.4%) kes berbanding bagi tahun 2007. Statistik jenayah komersil bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1**

STATISTIK PERBANDINGAN <b>KES</b> JENAYAH KOMERSIL BAGI TAHUN 2007 DAN 2008				
KESALAHAN	2007 KES	2008 KES	-/+	%
TIPU	6025	8972	2947	48.9%
PECAH AMANAH JENAYAH	1839	2653	814	44.3%
SALAHGUNA HARTA DENGAN CURANG	339	338	(1)	-0.3%
JENAYAH SIBER	147	1057	910	619.0%
LAIN-LAIN TIPU	239	331	92	38.5%
PEMALSUAN	235	385	150	63.8%
WANG PALSU	412	1022	610	148.1%
KAD KREDIT	62	217	155	250.0%
AMLA	14	24	10	71.4%
APPW (AH LONG)	156	280	124	79.5%
KES VCD/DVD (TS'B' / LUCAH)	605	1892	1287	212.7%
LAIN-LAIN KES	87	140	53	60.9%
<b>JUMLAH</b>	<b>10,160</b>	<b>17,311</b>	<b>7151</b>	<b>70.4%</b>

JUMLAH PURATA KES DITERIMA MENGIKUT :-

1. Bulanan	-	2007	2008
2. Mingguan	-	847 KES	1,443 KES
3. Harian	-	212 KES	360 KES
		30 KES	52 KES

### Kerugian

Jumlah kerugian yang dilaporkan pada tahun 2008 adalah sebanyak RM 845 juta berbanding RM 1.9 billion bagi tempoh sebelumnya. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM 1.1 billion (57.5%). Kes Tipu dan Pecah Amanah Jenayah mencatatkan jumlah kerugian terbesar iaitu sebanyak RM 787 juta (93.1%) berbanding keseluruhan kerugian. Perbandingan statistik seperti di Jadual 2.



## Jadual 2

STATISTIK PERBANDINGAN KERUGIAN JENAYAH KOMERSIL BAGI TAHUN 2007 DAN 2008				
KESALAHAN	2007 KERUGIAN	2008 KERUGIAN	-/+	%
TIPU	1,828,203,341.45	574,941,568.96	(1,253,261,772.49)	-68.6%
PECAH AMANAH JENAYAH	138,276,179.14	212,277,085.20	74,000,906.06	53.5%
SALAHGUNA HARTA DENGAN CURANG	2,724,459.05	3,457,050.88	732,591.83	26.9%
JENAYAH SIBER	4,232,352.87	5,666,803.77	1,434,450.90	33.9%
LAIN-LAIN TIPU	1,294,634.43	959,204.43	(335,430.00)	-25.9%
PEMALSUAN	12,498,519.76	7,129,107.15	(5,369,412.61)	-43.0%
WANG PALSU	34,976.70	137,411.70	102,435.00	292.9%
KAD KREDIT	214,770.46	1,438,329.87	1,223,559.41	569.7%
AMLA	-	-	-	-
APPW (AH LONG)	1,478,890.00	589,320.00	(889,570.00)	-60.2%
KES VCD/DVD (TS'B' / LUCAH)	-	-	-	-
LAIN-LAIN KES	1,760.00	38,989,488.53	38,987,728.53	1,000.0%
<b>JUMLAH</b>	<b>1,988,959,883.86</b>	<b>845,585,370.49</b>	<b>(1,143,374,513.37)</b>	<b>-57.5%</b>

### Tangkapan

Pada tahun 2008, sebanyak 4,174 orang telah ditangkap berbanding 2,014 pada tempoh sebelumnya. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2,160 (107.2%). Jumlah besar tangkapan adalah dari kes-kes VCD/DVD haram iaitu sebanyak 2,176 orang, diikuti kes Tipu sebanyak 977 orang.

Sungguh pun jenayah siber menunjukkan peratusan tangkapan yang tinggi iaitu 225.0% tetapi jumlah tangkapan adalah kecil berbanding jumlah kes yang dilaporkan pada tahun 2008 iaitu sebanyak 1,057 kes. Ini disebabkan penggunaan teknologi siber yang menyukarkan suspek dikenali, tempat kejadian tidak diketahui dan mangsa lewat membuat laporan. Statistik tangkapan seperti di Jadual 3.



### Jadual 3

#### PECAHAN TANGKAPAN MENGIKUT KES BAGI TAHUN 2007 DAN 2008

KESALAHAN	JUMLAH TANGKAPAN 2007	JUMLAH TANGKAPAN 2008	-/+	%
<b>TIPU</b>	<b>553</b>	<b>977</b>	<b>424</b>	<b>76.7%</b>
<b>PECAH AMANAH JENAYAH</b>	<b>199</b>	<b>357</b>	<b>158</b>	<b>79.4%</b>
<b>SALAHGUNA HARTA DENGAN CURANG</b>	<b>19</b>	<b>14</b>	<b>(5)</b>	<b>-26.3%</b>
<b>JENAYAH SIBER</b>	<b>8</b>	<b>26</b>	<b>18</b>	<b>225.0%</b>
<b>LAIN-LAIN TIPU</b>	<b>165</b>	<b>136</b>	<b>-(29)</b>	<b>-17.6%</b>
<b>PEMALSUAN</b>	<b>30</b>	<b>42</b>	<b>12</b>	<b>40.0%</b>
<b>WANG PALSU</b>	<b>138</b>	<b>176</b>	<b>38</b>	<b>27.5%</b>
<b>KAD KREDIT</b>	<b>46</b>	<b>120</b>	<b>74</b>	<b>160.9%</b>
<b>AMLA</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>APPW (AH LONG)</b>	<b>38</b>	<b>30</b>	<b>(8)</b>	<b>-21.1%</b>
<b>KES VCD/DVD (TS'B' / LUCAH)</b>	<b>762</b>	<b>2,176</b>	<b>1,414</b>	<b>185.6%</b>
<b>LAIN-LAIN KES</b>	<b>56</b>	<b>120</b>	<b>64</b>	<b>114.3%</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>2,014</b>	<b>4,174</b>	<b>2,160</b>	<b>107.2%</b>

#### JUMLAH LAPORAN JENAYAH KOMERSIL YANG DITERIMA BAGI TAHUN 2008 ( JAN - DIS )

Keseluruhan sebanyak 65,027 jumlah laporan diterima. Dari jumlah ini sebanyak 17,311 (26.6%) telah dibuka kertas siasatan. Berdasarkan jumlah ini, purata laporan diterima sehari adalah sebanyak 194 laporan. Manakala purata kertas siasatan yang dibuka sehari ialah sebanyak 52.

STATISTIK LAPORAN POLIS JSJK SELURUH MALAYSIA BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA DISEMBER 2008							
BULAN	JUMLAH LAPORAN	K/S DIBUKA	LAIN – LAIN TINDAKAN				
			KEP	NFA	RTM	ROA	ROR
JANUARI	5098	1102	5	385	2009	1187	313
FEBUARI	4397	965	6	391	1608	1142	223
MAC	5272	1196	11	359	1954	1391	291
APRIL	5807	1492	14	436	1897	1582	312
MEI	5705	1406	20	439	2015	1484	274
JUN	5628	1434	7	393	1940	1484	305
JULAI	6135	1716	6	370	2160	1435	368
OGOS	6132	1660	12	354	2108	1536	375
SEPT	6082	1599	3	325	2066	1700	340
OKTOBER	4643	1489	8	180	1473	1115	305
NOVEMBER	5050	1696	32	236	1626	1104	268
DISEMBER	5078	1556	17	211	1638	1330	230
JUMLAH	65,027	17,311 (26.6%)	141	4,079	22,494	16,490	3,604
					47,716 (73.4%)		
JUMLAH PURATA LAPORAN DITERIMA MENGIKUT :-			1. Bulanan	-	5,418	laporan	
			2. Mingguan	-	1,355	laporan	
			3. Harian	-	194	laporan	



## KES-KES MENARIK PERHATIAN

**JUMLAH KERTAS SIASATAN DIBUKA, TANGKAPAN DAN RAMPASAN VCD/DVD TS'B DAN  
LUCAH DI BAWAH AKTA PENAPISAN FILEM (2002) DAN SEK. 292 KANUN KESEKSAAN  
MENGIKUT KONTINJEN BAGI TAHUN 2007 DAN 2008**

KONT	KES				TANGKAPAN		RAMPASAN VCD/DVD TS'B				RAMPASAN VCD/DVD LUCAH			
	2007	2008	.+/-	%	2007	2008	2007	2008	.+/-	%	2007	2008	.+/-	%
PER	2	20	18	900.0%	2	15	0	6,814	6,814	100.0%	34	111	77	226.5%
KED	20	21	1	5.0%	23	26	0	2,651	2,651	100.0%	237	144	(93)	-39.2%
P.P	96	344	248	258.3%	129	388	1,928	219,900	217,972	11305.6%	14,777	16,938	2,161	14.6%
PK	38	164	126	331.6%	45	175	1,573	173,853	172,280	100.0%	566	4,039	3,473	613.6%
SEL	191	415	224	117.3%	212	433	53,520	353,430	299,910	560.4%	24,738	80,913	56,175	227.1%
KL	59	180	121	205.1%	92	225	42,098	116,679	74,581	177.2%	10,556	20,792	10,236	97.0%
N.S	28	69	41	146.4%	41	76	583	45,692	45,109	7737.4%	757	14,785	14,028	1853.1%
MK	18	60	42	233.3%	21	63	1,396	32,618	31,222	2236.5%	620	1,156	536	86.5%
JOH	66	374	308	466.7%	101	384	14,401	357,585	343,184	2383.1%	11,504	36,096	24,592	213.8%
PHG	18	70	52	288.9%	23	126	0	30,707	30,707	100.0%	146	695	549	376.0%
T'G	0	22	22	100.0%	0	49	0	6,105	6,105	100.0%	0	189	189	100.0%
KN	0	16	16	100.0%	0	22	0	3,490	3,490	100.0%	0	1,176	1,176	100.0%
SBH	31	69	38	122.6%	37	78	475	12,523	12,048	2536.4%	334	850	516	154.5%
SWK	38	68	30	78.9%	36	116	22,961	74,732	51,771	225.5%	311	1,466	1,155	371.4%
<b>JUM</b>	<b>605</b>	<b>1,892</b>	<b>1,287</b>	<b>212.7%</b>	<b>762</b>	<b>2,176</b>	<b>138,935</b>	<b>1,436,779</b>	<b>1,297,844</b>	<b>934.1%</b>	<b>64,580</b>	<b>179,350</b>	<b>114,770</b>	<b>177.7%</b>

		2007	2008
JUMLAH KES DITUDUH		291	48.1%
JUMLAH KES DALAM SIASATAN		303	50.1%
JUMLAH KES NFA / KUS		11	1.8 %



## **KES VCD / DVD HARAM / LUCAH**

Tindakan agresif terhadap sindiket VCD/DVD haram / lucah yang dijalankan secara berterusan telah membawa hasil di mana statistik menunjukkan peningkatan sebanyak 1287 kes (212.7%).

Sejumlah 2,176 tangkapan dan lebih kurang 1.6 juta keping VCD/DVD lucah/haram telah berjaya dirampas. Dari jumlah kes yang disiasat pada tahun 2008 (1,892 kes), sebanyak 592 kes (44.7%) telah berjaya dituduh di Mahkamah. Semua KJSJK telah diminta supaya terus memberi perhatian serius dalam meningkatkan operasi pembanterasan.

## **KES DI BAWAH AKTA PEMBERI PINJAM WANG (AH LONG)**

Sama seperti tindakan terhadap sindiket VCD/DVD, tindakan terhadap Ah Long juga telah menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 280 kes pada tahun 2008 berbanding 157 kes pada tahun 2007( peningkatan sebanyak 123 kes atau 78.3%). Kontinjen yang menunjukkan kes tertinggi pada tahun ini adalah kontinjen Negeri Sembilan sebanyak 91 kes, Johor 52 kes, Selangor 39 kes dan Pahang 22 kes.

## **KES WANG PALSU**

Dalam tempoh kajian, terdapat peningkatan ketara dalam kes wang palsu, di mana sebanyak 1,022 kes telah dilaporkan dengan nilai rampasan sebanyak RM 625,480.00, USD 22,587,700.00, EURO 79,000.00, GBR 50.00 dan Dollar Canada 20.00. Seramai 176 orang suspek telah ditangkap.

Hasil daripada siasatan dan rampasan yang dibuat, didapati wang palsu Note RM50.00 yang paling banyak terdapat di pasaran. Oleh yang demikian, memandangkan ianya semakin membimbangkan dan berleluasa, perkara ini telah dibawa ke pengetahuan pihak Bank Negara Malaysia (BNM) untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.



## KES-KES MENARIK JSJK



JSJK



Serbuan dan rampasan di sebuah rumah kedai, Karak, Pahang yang digunakan untuk melakukan aktiviti melenceng wang syiling bernilai 50 sen. Dalam serbuan tersebut tangkapan telah dibuat dan mesin pencetak wang dirampas.



Sindiket Black money masih bergiat aktif sungguhpun beberapa kumpulan telah berjaya ditumpaskan oleh JSJK Kuala Lumpur. Operasi sindiket ini mula beralih melalui e-mail dengan mangsa yang dikenali melalui internet.



Sindiket wang palsu masih bergerak berikutan adanya laporan terutama dari pihak bank. Kegiatan ini dipercayai masih dilakukan kerana adanya kemudahan mesin deposit wang tunai.



Rampasan pelbagai CD/NC/DVD lucu dan tanpa sijil B terus ditingkatkan oleh semua kontinen. Pelbagai cara digunakan oleh penjenayah untuk menutup kegiatan mereka, termasuklah membuat stor simpanan di bawah tanah.

## KEJAYAAN JSJK

### SINDIKET PEMALSUAN KAD KUASA POLIS

Petaling rpt 7948/08 bertarikh 24/6/08. Sindiket mencetak kad-kad kuasa polis dan menyamar sebagai pegawai polis untuk melakukan pemerasan terutama terhadap pengusaha kelab malam, peniaga VCD/DVD cetak rompak dan PATI. Suspek menggunakan kad kuasa untuk melepaskan diri dari sekatan jalan raya. Tangkapan: 13 orang, hasil rampasan adalah 140 kad kuasa polis palsu dan beberapa pakaian seragam polis. 2 ahli sindiket telah dihadapkan ke mahkamah.



#### Pemalsuan Kad Kuasa Polis

Pada 24 Jun, 2008 Bahagian Risikan/Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman telah berjaya menumpaskan sindiket pemalsuan kad kuasa polis dengan tertangkapnya sebelas ahli sindiket termasuk dua wanita di sekitar Lembah Kelang.



Sebanyak 12 kad kuasa pegawai kanan polis dan 128 kad kuasa yang masih kosong telah dirampas. Beberapa pasang pakaian seragam polis yang lengkap dengan pangkat turut dirampas. Sindiket turut menggunakan kendaraan pacuan empat roda berwarna biru gelap bagi menyakinkan orang ramai.



Ahill sindiket mengambil kesempatan melakukan penipuan dan pemerasan terhadap mangsa terutama pengusaha-pengusaha kelab malam dan penlaga-penlaga video cakera padat cetak rompak serta pendatang tanpa Izin, selain mengelakkan diri dari pemeriksaan di sekatan-sekatan jalan raya.



Dua daripada ahli sindiket berkenaan telah dihadapkan ke mahkamah.


## KES WANG PALSU

Tengkera rpt 4063/08 bertarikh 17 September 08 Suspek (lelaki warga Afrika) membuat pinjaman dari mangsa dengan menjanjikan pulangan berlipat ganda dalam masa singkat. Pinjaman dibayar balik dengan wang palsu. Rampasan: 1146 keping wang kertas RM50 palsu yang cuba dimasukkan ke dalam akaun 1(L)(M) di Melaka pada 16 & 17 Sept 2008.



### Sindiket Nombor Ramalan TOTO.

Ahli sindiket akan mengubah angka di resit TOTO mengikut keputusan cabutan yang telah dikeluarkan di akhbar harian untuk memperdayakan mangsa dengan menyatakan beliau tidak mempunyai kad pengenalan bagi menuntut wang kemenangan.



Rampasan sebanyak 40 paket "Thramacyne xp 1000 cattle injection 10 x 10 ML" (vaksin lembu) di No 833-5-35A Tower 4, Venice Hill Condo Bt9 Cheras, Selangor

## **KES “DATO’ KABI”**

29 kes penipuan yang disiasat oleh pihak polis ke atas Kamaleshwaran Chitravelu@Dato' Kabi. Modus Operandi adalah dengan memperdayakan individu/syarikat dengan menggunakan cek akaun tutup dalam urusan menyewa/membeli rumah, pembelian barang, pengubahsuaian rumah, pembelian firma guaman dan penyewaan pengangkutan. Dato' Kabi ditangkap pada 17 Disember 08 dan dituduh di bawah sek 420 KK. Jumlah kes dituduh di mahkamah adalah 10 kes.

Yoganandha Moorthy A/L Chitravelu@ Steven Raj (Abang Dato' Kabi) telah dituduh sebanyak 9 kes. (6 kes - 420 KK dan 3 kes langgar syarat perintah sekatan). Mercy Sumathi (isteri Yoganandha) dituduh sebanyak 5 kes di bawah sek 420 KK.



# HARI KELUARGA PDRM, PERINGKAT BUKIT AMAN 2008 JSJK



Kombo PDRM menghiburkan para hadirin



Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Keselamatan Dalam Negeri memotong kek sempena sambutan Hari Keluarga PDRM



Aktiviti senaman merupakan lagi hubungan pegawai dan anggota PDRM

JSJK telah dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan Hari Keluarga Polis Peringkat Bukit Aman 2008. Dengan usaha seluruh warga JSJK, sambutan Hari Keluarga ini telah berlangsung di Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 14 Jun 2008 dengan tujuan menjalin hubungan silaturahim antara warga PDRM.

Acara ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran YAB Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kementerian Dalam Negeri, YDH Tan Sri Musa bin Dato' Hj. Hassan, Ketua Polis Negara, YDH Tan Sri Ismail Omar, Timbalan Ketua Polis Negara, pengarah-pengarah PDRM serta isteri masing-masing.

Selain dari acara hiburan, banyak acara tunjuk diaturkan pada hari tersebut, antaranya seperti permainan untuk VVIP (peraq dan golf (putting)), gubahan bunga untuk isteri-isteri VVIP dan sukaneka untuk ahli keluarga polis. Cabutan bertuah untuk para hadirin juga turut diadakan.



'Datuk Seri, cubalah ....



## JABATAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK

### Ancaman Dadah Semasa

Sepanjang tahun 2008 rampasan dadah yang dibuat oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik menunjukkan peningkatan yang tinggi bagi dadah jenis syabu, ganja, heroin, pil yaba, ketamin, ecstasy dan eramin 5. Dari jumlah rampasan dadah ini, dilihat peralihan *trend* daripada dadah jenis tradisional kepada dadah sintetik. *Trend* dadah semasa juga menunjukkan pengedaran dadah tidak hanya tertumpu kepada sejenis dadah sahaja tetapi pengedar memasarkan lebih daripada sejenis dadah. *Trend* ini juga dikenali sebagai "*poly-drug user*". Mereka akan cuba mengaut keuntungan yang lebih dengan menjual pelbagai jenis dadah kepada pengguna "*poly-drug*". Beberapa negara luar telah menjadikan Malaysia sebagai transit dalam kegiatan pengedaran dadah di peringkat antarabangsa. Sindiket warga India menjadikan Malaysia sebagai negara transit bagi pengedaran dadah ketamin ke Taiwan, Jepun dan Thailand. Manakala dadah jenis kokain di bawa oleh warga Afrika yang menjadikan wanita Malaysia serta wanita warga Singapura, Filipina dan Thailand sebagai "*drug mule*" untuk membawa kokain keluar dari Malaysia.

Pengedar dadah dari Afrika yang mendaftar sebagai pelajar menggunakan taktik menjalin hubungan cinta dengan gadis-gadis tempatan untuk diperdaya bagi membawa dadah ke negara Eropah. Pada tahun 2008, seramai 83 orang rakyat Malaysia ditangkap di luar negara kerana membawa masuk dadah berbanding 105 orang pada tahun 2007.






## DISELUDUP DALAM KARGO


### Tangkapan

Sepanjang tahun 2008 seramai 65,455 orang telah ditangkap bagi pelbagai kes kesalahan mengedar dan mengguna di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Statistik tahun 2008 ini menunjukkan peningkatan tangkapan sebanyak 20.53% berbanding tahun 2007. Manakala tangkapan ke atas penagih dadah di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan 1983) pula seramai 162,617 orang berbanding 159,490 bagi tahun 2007. Peningkatan sebanyak 1.96%. Statistik perbandingan tangkapan pelbagai kesalahan dadah tahun 2008/2007 seperti di Jadual 1, 2 dan 3.


**Jadual 1**



**Jadual 2**




**Jadual 3**




Rampasan ke atas pelbagai jenis dadah pada tahun 2008 juga didapati meningkat berbanding tahun 2007. Rampasan pelbagai jenis dadah pada tahun 2008 bernilai RM 148,425,822.53 berbanding RM 67,463,445.92 pada tahun 2007 iaitu peningkatan sebanyak 120%. Statistik perbandingan rampasan dadah 2007/2008 seperti di Jadual 4, 5 dan 6.


**Jadual 4**



**Jadual 5**



**Jadual 6**



## **Pembongkaran Makmal Haram**

Pada tahun 2008 sebanyak 12 kes makmal haram berjaya dibongkar dengan sejumlah 40 orang ditangkap berbanding tahun 2007 hanya 9 kes makmal haram dikesan dengan 14 tangkap pada tahun 2007. Kejayaan rampasan dan tangkapan seperti di Jadual 7.

**Statistik Pembongkaran Makmal Haram Memproses Dadah**  
**Jadual 7**

	2007	2008	%
KES	9	12	33%
TANGKAPAN	14	40	186%
RAMPASAN			
HEROIN BASE (KG)	1.59	19.25	1111%
HEROIN NO. 3 (KG)	34.72	37.80	9%
SERBUK SYABU (KG)	20.89	376.04	1700%
CECAIR SYABU (LTR)	124.16	223.60	80%
PIL ECSTASY (BIJI)	9,127	31	-100%
SERBUK ECSTASY (KG)	19.26	2,289.80	11789%
ERIMIN 5 (BIJI)	750	130,086	17245%
KETAMIN (KG)	11.52	616.00	5247%
KODIEN (LTR)	0.00	62.44	100%
KAFIN (KG)	87.20	324.00	272%
EPEDHRIN (KG)	0.00	29.90	100%



## OPS. CHINESE ARROWHEAD: JOHOR BAHRU, JOHOR



## Rampasan Senjata Api

Pada tahun 2008 sebanyak 33 pucuk pelbagai jenis senjata api, 3 butir bom tangan dan 11,164 biji pelbagai jenis peluru berjaya dirampas beserta 61 orang ditangkap dari operasi yang dijalankan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman.



**JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI /  
KETENTERAMAN AWAM (KDN/KA)**

**LAPORAN TAHUNAN PSP SEPANJANG 2008**


Pasukan Simpanan Persekutuan Polis Diraja Malaysia telah di tubuhkan pada 05 Dis 1955 bagi mengekalkan ketenteraman awam di Malaysia. Daripada 3 terup yang pada mulanya di tubuhkan dan ditempatkan di Kuala Lumpur kini telah dikembangkan kepada 7 unit yang mengandungi 3 terup bagi setiap unit dan di tempatkan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Seremban dan Johor Bahru dan 1 terup wanita yang di letakkan bersama unit yang berada di Kuala Lumpur. Dengan pembangunan yang semakin pesat penugasan Pasukan Simpanan Persekutuan juga semakin bertambah. Disamping menjaga ketenteraman awan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan juga ditugaskan membantu unit-unit lain di dalam Polis Diraja Malaysia seperti mencegah jenayah, operasi trafik dan kawalan orang ramai.

Sejak kebelakangan ini dengan pertambahan pertubuhan dan badan bukan kerajaan ( NGO ) penugasan Pasukan Simpanan Persekutuan semakin bertambah. Berikut adalah perbandingan penugasan yang dijalankan oleh Pasukan Simpanan Persekutuan bagi tahun 2006, 2007 dan 2008.

**PERBANDINGAN PENUGASAN YANG DIJALANKAN OLEH PSP BAGI  
TAHUN 2006/ 2007 / 2008**

JENIS PENUGASAN	2006	2007	2008
MENYURAIKAN RUSUHAN	3	19	7
MENCEGAH RUSUHAN	58	138	325
KAWALAN ORANG RAMAI	233	259	467
MENCEGAH JENAYAH	91	93	405





## **MENCEGAH RUSUHAN**

### **DEMONSTRASI BERSIH, HINDRAF DAN NGO BERKAITAN MANSUHKAN ISA**

Pada 05 Januari 2008 jam 8.25 malam Terup 1C dengan kekuatan 2 pegawai / 55 anggota dan water cannon unit 1B dengan kekuatan 1 pegawai / 4 anggota telah menyuraikan perhimpunan haram di Dataran Merdeka berkaitan isu memansuhkan I.S.A. Anggaran perusuh seramai 50 – 100 orang.



## **OPS PADAM - HINDRAF**

Pada 16 Februari 2008 jam 6.15 petang, Terup 4A dengan kekuatan 2 pegawai/ 60 anggota dan water cannon unit 1B dengan kekuatan 1 pegawai/ 7 anggota berada di hadapan bangunan Tun Razak Jalan Raja Laut telah menyuraikan perusuh yang dianggarkan seramai 300 orang. Terup 1C dan Terup 1B telah diletakkan dalam siap sedia di hadapan bangunan Parlimen dan hadapan gate A Bukit Aman.

## **LAWATAN MENTERI KERJA RAYA KE KULIM**

Pada 26 Februari 2008 jam 11.30 pagi Terup 1B dengan kekuatan 1 pegawai/ 70 anggota dan water cannon unit 3B dengan kekuatan 1 pegawai/ 9 anggota keluar tugas kawalan orang ramai di IPD Kulim, Kedah sempena lawatan rasmi Menteri Kerja Raya bertemu penduduk kaum India di Taman Kijang, Lunas, Kulim. Lawatan tersebut dibatalkan kerana lebih kurang 2000 orang pengikut 'HINDRAF' berkumpul di tokong cina Taman Kijang, Lunas membuat bantahan. Pada jam 7.45 petang KPD Kulim mengarahkan Terup PSP dan water cannon mengambil tindakan menyuraikan perhimpunan tersebut dan mereka telah bersurai.

## **PERHIMPUNAN HARAM SEMASA PILIHANRAYA UMUM XII 2008**

Pada 08 Mac 2008 jam 11.50 pagi Terup 6B dengan kekuatan 2 pegawai/ 89 anggota telah diarahkan oleh Timbalan Komandar PSP keluar tugas Strike Force di IPD Marang berkaitan maklumat penyokong parti PAS telah membaling batu dan menahan kenderaan awam di Marang. Jam 12.00 tengah hari kenderaan PSP telah dihalang dan diserang dengan balingan batu dan kayu berhampiran Masjid Rusila. Terup 6B PSP telah melepaskan 122 butir tembakan gas pemedih mata bagi menyuraikan rusuhan yang terdiri daripada 600 orang penyokong parti PAS di Kampung Rusila, Marang, Terengganu.



## **PENYERAHAN MEMORANDUM**

Pada 14 Mac 2008 jam 11.30 pagi Terup 5B dengan kekuatan 2 pegawai/ 76 anggota dan water cannon dari unit 3A dengan kekuatan 1 pegawai dan 8 anggota menjalankan tugas 'strike force' di perhentian bas KOMTAR Pulau Pinang berkaitan penyerahan memorandum orang-orang Melayu tentang ketidak puasan hati terhadap kerajaan baru Pulau Pinang. Lebih kurang 1,200 orang yang terdiri dari berbagai kaum menghadiri perhimpunan ini. Perhimpunan bersurai setelah amaran lisan supaya bersurai diberikan oleh Pegawai Penjaga Terup 5B. Perhimpunan tersebut bersurai dalam keadaan aman.

## **BANTAHAN DI TOL BT 11 CHERAS**

Pada 08 Mei 08 @ jam 4.30 petang sehingga 09 Mei 08 @ 1.25 tengah hari Terup 1C dengan kekuatan 2 pegawai/ 57 anggota dan water cannon dari unit 4A dengan kekuatan 1 pegawai dan 4 anggota serta 13 anggota wanita di arahkan oleh Timbalan Komander PSP ke persimpangan Bandar Mahkota Cheras bersabit bantahan penduduk ekoran penutupan persimpangan Jalan Mahkota Cheras oleh pihak Grand Saga . Perusuh bersikap agresif dengan menggunakan cangkul, besi dan batu bagi menghalang kerja-kerja yang sedang dijalankan oleh pihak pengurusan Grand Saga. Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang ( Supt Toha ) mengarahkan PP Terup 1C mengambil tindakan terhadap perusuh. PP Terup telah memberi amaran sebanyak tiga kali kepada perusuh. Tindakan semburan air berserta gas telah diambil oleh water cannon dan Terup mengambil tindakan melepaskan tembakan 25 butir gas pemedih mata kepada perusuh. Tiada tindakan 'batton charge ' diambil. Perusuh dianggarkan lebih kurang 500 ke 700 orang.

## **BANTAHAN DI PERSIMPANGAN BANDAR MAHKOTA CHERAS**

Pada 27 Mei 2008 9.25 malam sehingga 28 Mei 2008 2.00 pagi Terup 4C dengan kekuatan 1 pegawai/ 35 anggota, water cannon dari unit 4B dengan kekuatan 1 pegawai 6 anggota dan 12 anggota wanita telah diarahkan ke persimpangan



lebuhraya Grand Saga ke Taman Mahkota Cheras bagi menyuraikan penduduk yang berkumpul bagi menghalang pembinaan tembok penghalang di persimpangan Taman Mahkota Cheras. Terup telah diarahkan oleh ACP Sakarudin bin Che Mud ( KPD Kajang ) menyuraikan perhimpunan tersebut. Pegawai Pemerintah terup telah memberi amaran sebanyak tiga kali dan anggota Terup diarah bergerak melepas tembok pembinaan dan di atas jalanraya. Penduduk kembali berhimpun di atas jalanraya dan tindakan semburan air telah dilakukan oleh *water cannon*. Seramai lebih kurang 300 orang penduduk hadir dalam bantahan tersebut. Dalam penugasan tersebut dua orang anggota terup telah tercedera.

### **KAWALAN KEHORMATAN**

### **KAWAD HARI POLIS KE 201**

17 Mac - 26 Mac 2008, seramai 2 pegawai dan 110 APR dari unit 1 dan 4 PSP Cheras Kuala Lumpur telah menjalani latihan kawad sempena sambutan Hari Polis ke 201 yang akan diadakan di Pulapol Kuala Lumpur pada 25 / 03 / 2008.

### **LAWATAN MENTERI DALAM NEGERI KE BUKIT AMAN**

28 Mac - 31 Mac 2008, seramai 4 pegawai dan 105 APR dari PSP Unit 1 dan 4 PSP Kuala Lumpur telah menjalani latihan kawad sempena lawatan rasmi Menteri Dalam Negeri YDH Datuk Seri Syed Hamid Albar ke Bukit Aman pada 31/03/2008.

### **KAWAD SEMPENA PEMBUKAAN DEWAN ( DUN ) TERENGGANU**

Mulai 27 April 2008 - 06 Mei 2008, Terup 6A dengan kekuatan 1 pegawai 55 anggota dan Terup 6B dengan kekuatan 2 pegawai dan 55 anggota hadir latihan kawad kawalan kehormatan bagi majlis perasmian pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 06 Mei 2008. Majlis telah di rasmikan oleh YDH Penasihat Majlis Pemangku Raja Negeri Terengganu.



## **KAWAD SEMPENA PEMBUKAAN DEWAN ( DUN ) PULAU PINANG**

Mulai 05 Mei 2008 - 12 Mei 2008, seramai 2 pegawai dan 110 APR dari unit 3 PSP Pulau Pinang menghadiri latihan kawad kawalan kehormatan sempena majlis pembukaan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang diadakan pada 12 Mei 2008 di perkarangan Dewan Seri Pinang Pulau Pinang. Majlis telah di rasmikan oleh TYT Yang Dipertuan Besar Pulau Pinang.

## **KAWAD KAWALAN KEHORMATAN PSP DAN KAWAD DETACHMENT PSP SEMPENA SAMBUTAN 50 TAHUN GELARAN DIRAJA PDRM**

Pada 23 Oktober 2008 4 pegawai dan 161 PSP Kuala Lumpur terlibat secara langsung dalam perbarisan sempena sambutan 50 tahun gelaran Diraja PDRM di PULAPOL Kuala Lumpur.



## **LAPORAN TAHUNAN PASUKAN GERAKAN MARIN SEPANJANG 2008**

Pada tahun 2008, Pasukan Gerakan Marin (PGM) Polis Diraja Malaysia (PDRM), telah berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Cabaran tersebut berpunca dari kesan awal kelembapan ekonomi terutamanya dari negara-negara jiran hingga menyebabkan sebilangan rakyatnya berhijrah dan melakukan jenayah di negara kita, disamping faktor dari dalam negara kita sendiri. Ianya telah menuntut komitmen yang tinggi dari semua lapisan pegawai dan anggotanya semata-mata bagi menjamin ketenteraman dan keamanan yang berterusan di Perairan Wilayah (MTW) seluas 142,393.4 km persegi.

Memandangkan Malaysia dikelilingi lautan dan Selat Melaka merupakan laluan kapal yang amat penting serta sebagai nadi ekonomi perhubungan negara industri di Timur dan Barat. Maka keperihatinan pihak berkuasa Malaysia dan negara persisir dalam mengambil pelbagai inisiatif untuk memastikan keselamatan perlayaran di laut sekelilingnya terutama Selat Melaka telah memberi harapan yang tinggi kepada industri perkapalan dan negara-negara kuasa besar.


Dengan kemajuan teknologi masa kini, terutama sistem komunikasi tanpa sempadan menyebabkan keupayaan penjenayah turut meningkat. Ini menjadikan beban serta tanggungjawab agensi penguatkuasaan maritim untuk memastikan keselamatan perairan negara semakin berat. Untuk menghadapi jenayah transnasional seperti penyeludupan, rompakan dan ancaman penganas yang semakin rumit, agensi-agensi penguatkuasaan maritim khususnya PGM harus dipermodenkan sejajar dengan perkembangan dunia maritim masa kini. Keupayaan aset-aset rondaan, kelengkapan, peralatan dan kemudahan infrastruktur yang berkaitan harus dipertingkatkan dari masa ke semasa. Dengan sokongan padu pihak kerajaan, agensi-agensi penguatkuasaan maritim negara khususnya PGM akan lebih yakin dan bersemangat untuk menghadapi cabaran maritim era baru yang mendatang.



## **KEBERKESANAN OPERASI**

Dengan kekuatan 216 buah bot ronda dan 2,302 anggota PGM telah berusaha sedaya mungkin melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sempurna. Bagi tahun 2008 PGM telah melakukan sebanyak 3,551 kali operasi melibatkan 20,622 hari dalam rondaan berbanding pada tahun 2007 sebanyak 2,869 kali operasi melibatkan 18,693 hari dalam rondaan. Kenaikan sebanyak 23.7 % operasi dan 10.3% hari dalam rondaan.

**Jadual 1**



## **PRESTASI TANGKAPAN**

PGM juga telah menggerakkan unit gempur marin (ungerin) dalam usaha menangani kegiatan-kegiatan yang menyalahi undang-undang. Hasil dari usaha itu tahun 2008 sebanyak 4,128 kes tangkapan dicatatkan berbanding pada tahun 2007 sebanyak 2,841 kes tangkapan dilakukan. Ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 1,287 kes atau 45.2 % kes tangkapan. Statistik tangkapan serta saman mengikut jenis kesalahan adalah seperti berikut :-



**Jadual 2**

<b>TANGKAPAN KESELURUHAN TAHUN 2007</b>	UTARA	SELATAN	TIMUR	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Akta Perikanan	77	12	16	128	3	236
Akta Kastam	9	10	110	108	2	239
Akta Imigresen	60	56	6	388	34	544
Akta Dadah Berbahaya	4	5	8	69	1	87
Ordinan Perkapalan Saudagar	87	25	39	613	284	1,048
Akta Polis	17	10	5	34	5	71
Akta Padi & Beras	0	0	177	0	0	177
Akta Bahan Kawalan	18	0	28	44	6	96
Lain-Lain Kesalahan	13	18	23	105	184	343
<b>JUMLAH</b>	<b>285</b>	<b>136</b>	<b>412</b>	<b>1,489</b>	<b>519</b>	<b>2,841</b>



**Jadual 3**

<b>TANGKAPAN KESELURUHAN TAHUN 2008</b>	UTARA	SELATAN	TIMUR	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Akta Perikanan	166	66	70	115	14	431
Akta Kastam	8	39	218	158	7	430
Akta Imigresen	174	115	24	331	57	701
Akta Dadah Berbahaya	21	50	14	34	0	119
Ordinan Perkapalan Saudagar	93	66	57	590	515	1,321
Akta Polis	13	11	3	56	1	84
Akta Padi & Beras	0	0	202	1	0	203
Akta Bahan Kawalan	66	16	107	80	10	279
Lain-Lain Kesalahan	15	46	54	111	334	560
<b>JUMLAH</b>	<b>556</b>	<b>409</b>	<b>749</b>	<b>1,476</b>	<b>938</b>	<b>4,128</b>

**AKTA PERIKANAN**

Sepanjang tahun 2008, Pasukan Gerakan Marin telah mencatatkan 431 kes tangkapan di bawah Akta Perikanan berbanding 236 kes pada tahun 2007 iaitu peningkatan sebanyak 195 kes atau 82.2%. Kebanyakan tangkapan adalah di Wilayah Utara di atas kesalahan melanggar syarat lesen. Aktiviti menangkap ikan dengan menggunakan bahan letupan juga didapati di Sabah dengan 21 kes.



Lain-lain kesalahan di bawah Akta Perikanan adalah bot nelayan asing menangkap ikan di perairan Wilayah Malaysia, bot nelayan tempatan tanpa lesen dan lain-lain kesalahan.

## **AKTA KASTAM**

Tangkapan di bawah Akta Kastam bagi tahun 2008 adalah sebanyak 430 kes berbanding tahun 2007 sebanyak 239 kes tangkapan dengan kenaikan 191 kes atau 80.3%. Dilihat dari jumlah kes, Wilayah Timur dan Wilayah Sabah merupakan penyumbang kes terbanyak, bagaimanapun dari segi nilai rampasan Wilayah Sabah dan Wilayah Selatan membuat tangkapan dengan nilai rampasan tertinggi. Tangkapan di bawah Akta Kastam adalah melibatkan penyaludupan rokok kretek, minuman keras, kayu balak, beras, minyak diesel, pakaian dan barang keperluan harian. Pada tahun 2008 jumlah keseluruhan nilai rampasan adalah sebanyak RM 14,599,854.93.

### **TANGKAPAN AKTA KASTAM TAHUN 2007 DAN 2008**

**Jadual 4**

	UTARA	SELATAN	TIMUR	SABAH	SARAWAK	<b>JUMLAH</b>
TAHUN 2007	9	10	110	108	2	<b>239</b>
TAHUN 2008	8	39	218	158	7	<b>430</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>17</b>	<b>49</b>	<b>328</b>	<b>266</b>	<b>9</b>	<b>669</b>



**PECAHAN TANGKAPAN PENDATANG TANPA IZIN MENGIKUT NEGARA****Jadual 5**

<b>NEGARA</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>
INDONESIA	982	1,584
FILIPINA	1,025	873
THAILAND	13	112
BANGLADESH	8	27
CHINA	37	9
INDIA	0	18
MYANMAR	128	77
SINGAPURA	0	0
BRUNEI	0	0
NEPAL	2	9
KOREA	2	0
TAIWAN	1	0
TEMPATAN	10	11
JUMLAH	2,208 ORANG	2,720 ORANG

**AKTA DADAH BERBAHAYA**

Dadah masih merupakan ancaman nombor satu negara. Negara kita yang dikelilingi laut yang luas menjadikan perairan negara sebagai salah satu jalan bagi membawa masuk dadah ke negara ini. Bagaimanapun penyeludupan dadah adalah lebih terancang dan ia didalangi oleh sendikit-sendikit terancang. Maklumat dan kerjasama dari lain-lain agensi seperti Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM sangat penting bagi menumpaskan penyeludupan dadah dalam kuantiti yang besar. Walaupun begitu PGM telah berusaha sedaya mungkin



dengan menggunakan aset yang terhad bagi mendapatkan kes-kes di bawah Akta Dadah Berbahaya. Pada tahun 2008 sebanyak 119 kes dicatatkan dengan tangkapan seramai 111 orang berbanding 87 kes pada tahun 2007 peningkatan sebanyak 32 kes atau 36.7%. Rampasan dadah adalah melibatkan 21.3 gm syabu, 39.0 gm heroin, 152.0 gm ganja dan 32 biji pil ecstasy. Wilayah Selatan menunjukkan kecemerlangan dengan menyumbang sebanyak 50 kes daripada jumlah keseluruhan sebanyak 119 kes.

### **TANGKAPAN AKTA DADAH TAHUN 2007 DAN 2008**

**Jadual 6**

	UTARA	SELATAN	TIMUR	SABAH	SARAWAK	<b>JUMLAH</b>
TAHUN 2007	4	5	8	69	1	<b>87</b>
TAHUN 2008	21	50	14	34	0	<b>119</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>25</b>	<b>55</b>	<b>22</b>	<b>103</b>	<b>1</b>	<b>206</b>

### **ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR (MSO)**

Pada tahun 2008 kesalahan di bawah MSO telah menunjukan peningkatan yang ketara dengan 1,321 kes dicatatkan berbanding 1,048 kes pada tahun 2007, iaitu peningkatan sebanyak 273 kes atau 26.0%. Wilayah Sarawak mencatatkan jumlah kes yang terbanyak iaitu 515 kes.



## **SAMAN ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR TAHUN 2007 DAN 2008**

**Jadual 7**

	UTARA	SELATAN	TIMUR	SABAH	SARAWAK	<b>JUMLAH</b>
TAHUN 2007	87	25	39	613	284	<b>1,048</b>
TAHUN 2008	93	66	57	590	515	<b>1,321</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>180</b>	<b>91</b>	<b>96</b>	<b>1,203</b>	<b>799</b>	<b>2,369</b>

## **AKTA POLIS**

Tahun 2008 sebanyak 84 kes dicatatkan berbanding tahun 2007 sebanyak 71 kes dicatatkan menunjukkan kenaikan sebanyak 13 kes atau 18.3 %. Wilayah Sabah telah mencatatkan kes terbanyak dengan 56 kes dari 84 kes di bawah Akta Polis. Kebanyakan kes di Wilayah Sabah adalah melibatkan Sek 22 Akta Polis iaitu harta yang tidak dituntut.

## **TANGKAPAN AKTA POLIS TAHUN 2007 DAN 2008**

**Jadual 8**

	UTARA	SELATAN	TIMUR	SABAH	SARAWAK	<b>JUMLAH</b>
TAHUN 2007	17	10	5	34	5	<b>71</b>
TAHUN 2008	13	11	3	56	1	<b>84</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>21</b>	<b>8</b>	<b>90</b>	<b>6</b>	<b>155</b>



## **LAIN-LAIN KESALAHAN**

Di samping menjalankan tugas penguatkuasaan terhadap undang-undang utama, PGM juga menguatkuasakan Akta Pendaftaran Negara, Akta Padi dan Beras Negara, Ordinan Sungai Sarawak, Akta Perhutanan, Akta Telekomunikasi dan undang-undang lain yang berkuatkuasa di negara ini. Bagi tahun 2008 sebanyak 560 kes dicatatkan berbanding 343 kes pada tahun 2007, peningkatan sebanyak 217 kes atau 63.2%. Tangkapan terbanyak adalah di bawah Sarawak River Ordinance dan Akta Komunikasi dan Multimedia iaitu masing-masing sebanyak 298 kes dan 61 kes.

### **TANGKAPAN LAIN-LAIN KES TAHUN 2007 DAN 2008**

**Jadual 9**

	UTARA	SELATAN	TIMUR	SABAH	SARAWAK	<b>JUMLAH</b>
TAHUN 2007	13	18	23	105	184	<b>343</b>
TAHUN 2008	15	46	54	111	334	<b>560</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>	<b>64</b>	<b>77</b>	<b>216</b>	<b>518</b>	<b>903</b>



## **ROMPAKAN DI LAUT**

Rompakan dan penculikan di laut menjadi satu isu keselamatan yang sering menjadi topik perbincangan dikalangan pemimpin negara mahupun jabatan atau agensi kerajaan yang terlibat. Tahun 2008 telah mencatatkan 11 kes rompakan, tiada kes culik serta tiada kes cubaan rompak berbanding tahun 2007 dengan 13 kes rompak dan 4 kes cubaan rompak. Pada tahun 2008 PGM telah berjaya menempah kejayaan dalam menumpaskan kumpulan perompak khususnya di perairan Selat Melaka. Pada 16 Februari 2009 jam 0330, bot ronda rh 15 dari Pasukan Gerakan Marin telah mengesan sebuah bot laju yang baru sahaja hendak melakukan rompakan di kedudukan lat: 01° 51.0' n, long: 104° 20.0' e, jarak 10.3 bn dari Tanjung Kuala Sedeli dan menuju ke arah buritan kapal "Majulah Jasmine". Kejadian kejar mengejar dan tembak menembak telah berlaku selama 30 minit dan akhirnya perompak berkenaan berjaya ditahan. Hasil pemeriksaan menjumpai 7 (I) dewasa Indonesia dan salah seorangnya telah mengalami kecederaan. Turut dijumpai dalam bot suspek 2 unit police light dipercayai digunakan untuk mengelirukan kapal lain bahawa bot suspek adalah bot polis.

**Jadual 10**

TAHUN KAWASAN	2007	2008	2007	2008
	BOT NELAYAN	KAPAL DAGANG	BOT NELAYAN	KAPAL DAGANG
SELAT MELAKA	2	2	1	0
LAUT CHINA SELATAN	0	3	0	1
SELAT JOHOR	0	0	0	6
SABAH	6	0	3	0
<b>JUMLAH</b>	<b>8</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>7</b>



## **AKTIVITI-AKTIVITI LAIN**

Di samping menjalankan penguatkuasaan undang-undang di laut, PGM juga memainkan peranan yang amat penting dalam tugas mencari dan menyelamat (SAR) di laut. PGM sentiasa dihubungi untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa yang mengalami kesusahan atau kemalangan di laut. Selain daripada itu, PGM juga terlibat dalam tugas pemantauan kejadian tumpahan minyak di laut, memberi kawalan keselamatan kepada kapal-kapal tertentu atau dalam sesuatu aktiviti rekreasi dan juga memberi bantuan kepada agensi-agensi kerajaan yang memerlukan.



## **CAWANGAN TRAFIK**

### **Pendahuluan**

Setiap tahun seramai 1.2 juta orang mati dan lebih 30 juta mengalami kecederaan dan kecacatan akibat kemalangan jalan raya di seluruh dunia. Malaysia mencatat 14% jumlah kenderaan di dunia tetapi menyumbang kepada 44% kemalangan di dunia. Dalam menguatkuasakan undang-undang jalanraya, PDRM menjalankan pelbagai operasi antaranya adalah:-

- Ops Had Laju;
- Ops Lebih Muatan;
- Ops Lumba Haram;
- Ops Mabuk;
- Ops Cermin Gelap;
- Ops Motosikal; dan
- Ops Kenderaan Perdagangan.

Ops Sikap adalah operasi yang dijalankan khusus sempena sambutan perayaan. Beberapa operasi digabungkan di bawah Ops Sikap bagi memberi impak pencegahan yang lebih berkesan.

### **Laporan Jumlah Operasi dan Saman Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2008**

Sepanjang tahun 2008, pada keseluruhannya sebanyak 71,699 operasi dijalankan. Hasil daripada operasi ini sebanyak 1,865,763 saman telah dikeluarkan.


### **Kemalangan Jalan Raya Tahun 2008**

Sepanjang tahun 2008 sejumlah 373,071 kes kemalangan jalanraya dilaporkan yang mengakibatkan 6,527 kematian. Dari jumlah kemalangan tersebut sebanyak 5,974 (1.6%) adalah Kemalangan Maut, 7,019 (1.9%) Kemalangan Parah, 12,893 (3.5%) Kemalangan Ringan dan 347,185 (93.0%) Kemalangan Rosak (**Jadual 1**).



## JENIS KEMALANGAN

Jadual 1



Bilangan kemalangan dalam tahun 2008 meningkat sebanyak 9,752 kes (2.7%) berbanding tahun 2007. Kemalangan Maut dan Kemalangan Rosak meningkat masing-masing kepada 302 kes (5.3%) dan 10,901 kes (3.2%), manakala jumlah Kemalangan Parah dan Kemalangan Ringan masing-masing menurun sebanyak 365 kes (4.9%) dan 1,086 kes (7.8%) - **Jadual 2**.

## Kemalangan/Kematian Tahun 2007 dan Tahun 2008

Jadual 2

Jenis Kemalangan	2007	2008	Beza	%
Kemalangan Maut	5,672 (1.6%)	5,974 (1.6%)	302	5.3
Kemalangan Parah	7,384 (2.0%)	7,019 (1.9%)	-365	-4.9
Kemalangan Ringan	13,979 (3.8%)	12,893 (3.5%)	-1,086	-7.8
Kemalangan Rosak	336,284 (92.6%)	347,185 (93.0%)	10,901	3.2
<b>Jumlah Kemalangan</b>	<b>363,319</b>	<b>373,071</b>	<b>9,752</b>	<b>2.7</b>
<b>Kematian</b>	6,282	6,527	245	4.0



## **SITUASI**

Sejumlah 165 perhimpunan awam dan demonstrasi jalanan telah dilaporkan berlaku di seluruh negara bagi tahun 2008. Kuala Lumpur mencatatkan jumlah terbesar dengan jumlah 48 kejadian diikuti oleh Pulau Pinang 43, Kedah 19, Negeri Sembilan 15, Perak 13, Sarawak 9, Melaka 9 dan Kelantan 4.

Perhimpunan dan demonstrasi jalanan yang berlaku ini, dianjurkan oleh kumpulan dan pertubuhan termasuk pertubuhan politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dan lain-lain, bermotifkan bagi membawa isu-isu kepada kerajaan yang antara lain mengenai;

1. Kenaikan harga minyak petrol dan disel
2. Menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri
3. Isu kawasan menternak babi / khinzir
4. Isu kaum India pendatang / HINDRAF
5. Hak asasi manusia
6. Bantah penebangan hutan
7. Salah guna kuasa
8. Rasuah
9. Kebajikan / pampasan pekerja
10. Ceramah parti pembangkang
11. Undi tak percaya PM
12. Pertikaian kes tanah
13. Pengambilan pasir pantai
14. Roboh rumah
15. Persempadan kawasan pilihanraya
16. Tuntutan kenaikan gaji / pembayaran gaji
17. Bantahan penebangan hutan
18. Isu pembangunan tanah sekolah
19. Penyerahan memorandum
20. Pengurusan pasar malam
21. Cukai levi kelapa sawit
22. Bantahan pengurusan nelayan



- 23.Subsidi minyak disel nelayan
- 24.Pencawang DIGI
- 25.Isu murtad
- 26.Isu bahasa
- 27.Pampasan pembangunan kampung
- 28.Bantahan ke atas kerajaan negara luar seperti Myanmar dan China
- 29.Isu global seperti serangan Israel ke atas Palestine

## **ANALISIS**

Situasi keselamatan dan ketenteraman awam yang berlaku sepanjang tahun 2008 telah benar-benar mencabar fungsi dan kewibawaan pasukan Polis DiRaja Malaysia walaupun pasukan telah berjaya membendung semua situasi ancaman yang berlaku. Sebagai agensi peneraju dalam penguatkuasaan undang-undang dalam memelihara keselamatan dan ketenteraman awam, Polis Diraja Malaysia telah mengambil tindakan pro-aktif agar sentiasa relevan dan kompetatif dengan membuat kajian semula dalam menambahbaikkan prosedur tindakan secara integrasi dalam menghadapi situasi ancaman keselamatan dan ketenteraman awam.



## JABATAN LOGISTIK

### LAPORAN KEJAYAAN PEMBANGUNAN PROJEK PDRM BAGI TAHUN 2008

#### PENDAHULUAN

Projek-projek pembangunan PDRM dilaksanakan dalam tempoh 2006 - 2010 adalah berjumlah 352 buah dengan jumlah peruntukan berjumlah RM 13.3 billion. Jumlah tersebut adalah merangkumi 8 projek Ibu Pejabat Kontinjen, 59 projek Ibu Pejabat Daerah, 117 projek balai polis, 34 projek pondok polis, 15 projek pasukan gerakan am, 44 projek perumahan, 9 projek kompleks, 16 projek pasukan gerakan marin, 4 projek unit udara, 21 projek pusat latihan dan 25 projek lain-lain seperti lokap berpusat, stor barang kes dan lapang sasar. Statistik ini dapat dilihat dalam rajah 1 seperti di bawah.

#### Statistik Projek Pembangunan PDRM bagi Tahun 2006 - 2010 ( RMK 9 )

Jadual 1

BIL	PROGRAM	IPK	IPD	BP	PP	PGA	PERUMAHAN	KOMPLEKS	MARIN	UDARA	LATIHAN	LAIN-LAIN	JUMLAH	SILING PROJEK (RM)
1	P 62		8	74	34	1		6	7	1	9	18	158	1,613,689,542
2	PFI S62		1	4			1		5	3	2	3	19	608,000,000
3	P 06	1	17		4	11		1				1	35	1,470,488,890
4	PFI 06	1	8	17							3		29	1,340,609,600
5	BLT	6	24	19		9	32	3	3		7	2	105	8,000,000,000
6	SWASTA		1	3		1						1	6	308,199,999
JUMLAH BESAR		8	59	117	34	15	44	9	16	4	21	25	352	13,340,988,031



## **PRESTASI PROJEK PEMBANGUNAN PDRM BAGI TAHUN 2008**

Sehingga Disember 2008, daripada keseluruhan 352 projek tersebut sebanyak 62 buah projek telah siap, 107 projek dalam pembinaan dan 183 projek belum bermula. Daripada 107 projek dalam pembinaan, 20 buah projek daripadanya adalah projek yang dimulakan pembinaan 'take off' pada tahun 2008 yang merangkumi 1 projek Ibu Pejabat Kontinjen, 5 projek Ibu Pejabat Daerah, 4 projek balai polis dan 10 projek pondok polis. Daripada jumlah tersebut, 13 buah projek dilaksanakan di bawah program butiran P62 (RMK 9) dan 7 buah projek di bawah *Built Lease Transfer* (BLT). Projek-projek yang berjaya dilaksanakan dalam tahun 2008 adalah seperti berikut :

### **Projek Di bawah Program**

#### **Butiran P62 :**

- 
1. Balai Polis Jaya Gading, Johor
  2. Balai Polis Terusan Sugut, Sabah
  3. Bangunan Tambahan IPD Klang, Selangor
  4. Pondok Polis Repek, Kelantan
  5. Pondok Polis Sri Bandi, Terengganu
  6. Pondok Polis Labok, Machang, Kelantan
  7. Pondok Polis Bukit Koman, Pahang
  8. Pondok Polis Singkir Darat, Yan, Kedah
  9. Pondok Polis Teloi Timur, Yan, Kedah
  10. Pondok Polis Parit Bunga, Muar, Johor
  11. Pondok Polis Bukit Kangkar, Muar, Johor
  12. Pondok Polis Kangkar Baru, Yong Peng, Johor
  13. Pondok Polis Kesang, Muar, Johor

#### **Projek Di bawah BLT :**

- 
- 1 Balai Polis Batu Kurau, Perak
  - 2 IPD Selama, Perak
  - 3 IPD Batu Pahat, Johor
  - 4 IPD Tampin, Negeri Sembilan



- 5 Balai Polis Bandar Hilir, Melaka
- 6 IPD Tumpat, Kelantan
- 7 IPK Sabah

## **PROJEK-PROJEK YANG BERJAYA DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2008**



Balai Polis Jaya Gading.



Balai Polis Batu Kurau, Perak



Ibu Pejabat Polis Daerah Selama, Perak



Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Pahat, Johor



Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah

## **PENGLIBATAN PDRM DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

### **MISI PENGAMAN PBB**

1. Pada tahun 2006, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah meluluskan Resolusi 1704, dengan mandat baru untuk penubuhan *United Nations Integrated Mission in Timor Leste* (UNMIT) bagi menggantikan mandat sebelumnya yang gagal mengembalikan kestabilan negara tersebut.
2. Resolusi 1704 pada asasnya ditumpukan kepada bantuan pasukan polis antarabangsa berkhidmat secara aktif (*executive policing*) di Timor Leste. Berikutan itu, PDRM telah menyumbang seramai 353 pegawai untuk berkhidmat di UNMIT sepanjang tahun 2008. Daripada jumlah tersebut 73 pegawai berkhidmat sebagai *United Nations Police* (UNPOL), manakala 280 dalam *Formed Police Unit* (FPU). Pegawai FPU adalah terdiri sepenuhnya daripada keanggotaan Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Utara. Pasukan ini dijangka tamat misi pada 7 April 2009 dan akan ditukar ganti dengan satu pasukan baru seramai 140 orang daripada Briged Tengah, PGA.
3. Mengikut laporan keselamatan semasa, keadaan di Timor Leste adalah stabil dan terkawal. Di misi UNMIT, pegawai-pegawai PDRM melaksanakan tugas-tugas kawalan keselamatan, pasukan anti rusuhan, mentor, jurulatih dan pemerhati kepada PNTL (*Policia Nacional de Timor-Leste*). Secara keseluruhannya, kontinjen PDRM telah memainkan peranan penting di dalam membantu kerajaan Timor Leste mengembalikan ketenteraman awam dan melaksanakan mandat PBB, terutamanya dalam membantu kapasiti pasukan PNTL. Kelebihan dari segi bahasa dan budaya tempatan serta pendekatan yang profesional telah membantu meningkatkan proses penstrukturran semula PNTL serta keadaan keadaan keselamatan dan ketenteraman awam di negara tersebut.
4. Selain daripada Misi Pengaman Timor Leste, seramai 46 pegawai PDRM kini berkhidmat di Misi Pengaman PBB di dua kawasan di negara Sudan, iaitu



Khartoum dan Darfur. Dari jumlah tersebut, seramai 3 pegawai PDRM menjalankan tugas kepolisan di bawah mandat *United Nations Mission in Sudan* (UNMIS), setelah resolusi 1590 (2005) diluluskan oleh Majlis Keselamatan PBB. Manakala 43 pegawai dan anggota berkhidmat sebagai UNPOL di bawah mandat *United Nations African Union Mission in Darfur* (UNAMID), setelah resolusi 1769 (2007) iaitu mandat 'hybrid' [gabungan PBB dan 'African Union (AU)'), diluluskan oleh Majlis Keselamatan PBB.

5. Keadaan keselamatan di Sudan dilaporkan tegang tetapi terkawal kecuali di sesetengah wilayah pedalaman dan Darfur yang masih bergolak dari masa ke masa. Keadaan keselamatan di Darfur ketika ini di Tahap IV iaitu '*Emergency Operations*' dimana penugasan kakitangan PBB dihadkan mengikut keperluan semasa yang kritikal di kawasan misi.
6. Adalah dijangkakan mandat PBB di ketiga-tiga buah negara tersebut akan diperbaharui untuk beberapa tahun lagi sehingga kestabilan wujud untuk membolehkan operasi "*political mission*" PBB. Sehubungan itu, penglibatan PDRM perlu diteruskan berteraskan komitmen kerajaan Malaysia untuk bantuan pemulihan keselamatan dan ketenteraman awam di negara-negara berkenaan. Pasukan PDRM dan agensi kepolisan antarabangsa di bawah naungan PBB adalah penting dalam memangkinkan kapasiti polis di negara-negara pasca-konflik tersebut.



## **AKTIVITI AGAMA, SOSIAL, KEBAJIKAN, & SUKAN**

### **KEMPEN MESRA & SENYUM BERSAMA PDRM**

Projek melaksanakan “**Kempen & Senyum bersama PDRM**” di kesemua Kontinjen telah digugurkan daripada Projek PS 5T.

Kempen “**Budi Bahasa Budaya Kita**” sebenarnya merupakan salah satu aktiviti yang dirancang oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KekWa) sebagai salah satu pelan tindakan dalam penerapan nilai-nilai murni. Aktiviti tersebut seharusnya dilaksanakan oleh KekWa secara bersepadu bersama beberapa kementerian dan agensi kerajaan. Ketika itu KekWa telah memberi komitmen untuk membiayai kesemua kos perbelanjaan bagi setiap kempen dan PDRM hanya perlu menyediakan tempat sahaja. Tetapi malangnya KekWa telah menarik diri setelah Pelancaran peringkat PDRM dan memaklumkan bahawa sekiranya PDRM ingin meneruskan kempen ini maka mereka tidak akan membiayai kos.

Dengan mengambil kira perubahan konsep PDRM dari “**Mesra, Cepat dan Betul**” kepada “**Tegas, Adil dan Berhemah**” maka Tan Sri Ketua Polis Negara bersetuju bahawa projek ini digugurkan daripada pelan tindakan PS 5T dan adalah memadai ianya diserapkan sebagai salah satu modul dalam Latihan Asas dan Latihan Dalam Perkhidmatan di kesemua pusat-pusat latihan.



## **KEBAJIKAN**

### **PROGRAM DERMA DARAH SEMPENA SAMBUTAN PERINGATAN HARI POLIS KE 201 TAHUN 2008**

Pucuk pimpinan PDRM sentiasa mengambil berat tentang aspek kebajikan Pegawai/Anggota/Pegawai Awam/Pesara dan juga Ahli Keluarga warga PDRM. Dalam konteks ini, Cawangan Kebajikan sentiasa berusaha meringankan beban masalah yang sering dihadapi oleh Pegawai/Anggota/Pegawai Awam/Pesara dan juga Ahli Keluarga warga PDRM melalui perkhidmatan, kemudahan serta bantuan kewangan dari tabung-tabung kebajikan yang wujud dalam PDRM.

Piagam Cawangan Kebajikan ialah memastikan setiap permohonan bantuan baik dari segi tenaga/kewangan/bantuan dan peralatan yang perlu dari klien diberikan keutamaan serta peka dan prihatin kepada permasalahan psikologi anggota serta keluarga dan bertindak segera.

Sehubungan dengan itu, PDRM bukan sahaja prihatin terhadap kebajikan warga PDRM semata-mata, malahan juga turut prihatin terhadap kebajikan orang awam serta masyarakat sebagaimana Program Derma Darah Sempena Peringatan Hari Polis yang dianjurkan setiap tahun oleh PDRM dan bekerjasama dengan Pusat Darah Negara. Program Derma Darah ini turut diadakan di semua peringkat Kontinjen dan Daerah. Tujuan Program Derma Darah ini diadakan adalah untuk membuat kebajikan kepada para pesakit yang memerlukan serta secara berterusan memberikan bantuan kepada Pusat Darah Negara membekalkan darah kepada semua hospital yang memerlukan.



Program Derma Darah Sempena Peringatan Hari Polis ke 201 Tahun 2008 telahpun diadakan pada 2 April 2008 (Rabu) bertempat di Dewan Pengaman, PULAPOL Kuala Lumpur. Jumlah penderma yang disasarkan adalah seramai 2,000 penderma terdiri daripada Pegawai/APR/Pegawai Awam dan pelatih dari Bukit Aman,PULAPOL Kuala Lumpur, Maktab PDRM Kuala Lumpur dan Briged Tengah PGA. Ini merupakan satu kebanggaan PDRM kerana dapat membantu pesakit-pesakit yang amat memerlukan darah. Pucuk pimpinan PDRM turut menyarankan agar semua warga PDRM di seluruh Malaysia mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat dengan memberikan bantuan yang ikhlas serta membuat kebajikan tidak kira bangsa dan agama bersempena dengan tema Derma Darah Menyelamatkan Nyawa.





Tan Sri IGP turut menderma darah sempena Peringatan Hari Polis ke 201.



Aktiviti menderma darah turut disertai oleh warga PDRM

## **AKTIVITI LAWATAN HOSPITAL SEMPENA SAMBUTAN PERINGATAN HARI POLIS KE 201 TAHUN 2008**

Setiap tahun PDRM sentiasa menyusun atur pelbagai aktiviti sempena memperingati Sambutan Hari Polis. Walaupun dalam kesibukan tugas, PDRM tidak pernah melupakan pegawai, anggota, pegawai awam, pesara dan ahli keluarga yang uzur dan yang sedang menerima rawatan di hospital. Justeru itu, aturcara lawatan rasmi ke hospital-hospital oleh pucuk pimpinan PDRM bersama-sama pimpinan Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) diadakan di peringkat Bukit Aman, Kontinjen, Daerah dan Formasi-formasi PDRM.

Aktiviti Lawatan Hospital Sempena Sambutan Peringatan Hari Polis Ke 201 Tahun 2008 telah diadakan pada 16 April 2008 (Rabu) bertempat di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia. Ianya bertujuan mengadakan lawatan kebajikan kepada pesakit warga PDRM termasuk juga orang awam. Dalam lawatan tersebut PDRM telah menyumbangkan 2 buah kerusi roda dan PERKEP Malaysia juga telah menyumbangkan 6 buah pemain cakera padat beserta buku-buku cerita untuk tujuan gunasama pihak hospital PPUKM.

Lawatan seperti ini juga tidaklah hanya diadakan semata-mata semasa sambutan Hari Polis sahaja, tetapi lawatan ke hospital adalah merupakan amalan kebajikan yang dilaksanakan sepanjang tahun oleh setiap kontinjen dan formasi di seluruh negara. Ini adalah sebagai menghargai khidmat bakti yang dicurahkan oleh setiap pegawai dan anggota PDRM. Program ini juga membuktikan keprihatinan pasukan menjaga kebajikan setiap Pegawai, Anggota, Pegawai Awam, Pesara serta Ahli Keluarga PDRM.





Tan Sri DIG menyerahkan kerusi roda ketika lawatan ke Pusat Perubatan UKM sempena Peringatan Hari Polis ke 201



Ybhg Puan Sri Juriati Bte Dato' Md Sobri turut mengadakan lawatan ke wad kanak-kanak



